


Jilid III
Bil. 43



Hari Selasa
12hb November, 1985

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6829]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 6864]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 [Ruangan 6865]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1986 [Ruangan 6865]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S. D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).**

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).**

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).**

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).**

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).**

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).**

„ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).**

„ Menteri Buruh, **DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).**

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HIN NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM, (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P. J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, Dr Goh Cheng Teik, (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N, P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N. P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

- Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

Yang Berhormat DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.J. P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir
Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.
Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.
Penyunting Kanan: P. B. Menon.
Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.
Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.
Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Hajjah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 12hb November, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng.*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Lim Liang Seng tidak hadir)*DASAR PERUMAHAN—
STRATEGI PELAKSANAAN

2. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah strategi dan rancangan Kerajaan untuk melaksanakan dasar perumahan bagi menjamin semua rakyat yang memerlukan rumah dapat kemudahan tersebut di dalam masa yang ditetapkan. Sila nyatakan jumlah permohonan-permohonan seluruh Negara yang diterima oleh Kerajaan dan jangkamasa Kerajaan dapat menunaikan permintaan tersebut. Berapakah rumah-rumah awam Kerajaan yang telah siap dibina sehingga hari ini dan yang diserahkan kepada mereka yang memerlukannya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telah dan sedang

merangka beberapa strategi untuk melaksanakan dasar perumahan bagi menentukan semua rakyat yang memerlukan rumah dapat menikmati kemudahan tersebut. Strategi-strategi ini adalah seperti berikut:

- (a) Mengutamakan konsep petempatan manusia (human settlement). Pendekatan ini akan merangkumi perancangan dan pembangunan kawasan perumahan yang lebih menyeluruh, sempurna dan lengkap dari segi kemudahan asas dan perkhidmatan sokongan sosio-ekonomi yang lain.
- (b) Mengujudkan program perumahan yang lebih bertanggungjawab terhadap keperluan dan keupayaan semua golongan berpendapatan rendah melalui perancangan kawasan perumahan yang lebih menyeluruh termasuk reka bentuk serta saiz rumah yang sesuai.
- (c) Menentukan pembinaan perumahan di kawasan-kawasan yang benar-benar menghadapi kesulitan perumahan.
- (d) Menggalakkan pembinaan perumahan secara besar-besaran bagi membolehkan pencapaian matlamat pengujudan penempatan manusia yang lebih selesa.
- (e) Melaksanakan skim pertapakan dan kemudahan.

- (f) Menggalakkan Kerajaan Negeri menggunakan konsep penswastaan dalam pembinaan perumahan kos rendah.
- (g) Meningkatkan lagi kepadatan pembangunan terutamanya di kawasan bandar.
- (h) Membanyakkan pembinaan rumah kos sederhana dan kos rendah untuk golongan berpendapatan rendah.
- (i) Mempergiatkan usaha-usaha penyelidikan ke arah mengujudkan cara-cara pembinaan yang lebih berkesan dan sistematik.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat sehingga bulan Julai, 1985 sejumlah 242 permohonan bersamaan dengan 39,139 unit telah diterima oleh Kementerian daripada semua Kerajaan Negeri untuk mendapatkan pinjaman awam kos rendah. Daripada jumlah ini dan berasaskan kepada peruntukan yang ada sebanyak 217 projek dengan sebilangan unit sebanyak 36,203 unit telah diluluskan untuk pelaksanaan.

Kementerian tidak mempunyai maklumat berhubung dengan permohonan perseorangan kepada Kerajaan Negeri untuk memiliki rumah awam kos rendah yang dirancangan. Pada kebiasaannya, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian mengambil masa 3 bulan untuk meluluskan permohonan pinjaman daripada Kerajaan Negeri.

Mengenai permohonan perseorangan untuk memiliki rumah awam kos rendah pula jangka masa yang diambil untuk memenuhi keperluan ini adalah berbeza-beza dari satu negeri ke satu negeri yang lain. Di beberapa negeri umpamanya permohonan hanya dipelawa pada peringkat akhir pembinaan bangunan

manakala beberapa negeri yang lain pula mengamalkan sistem berdaftar terbuka.

Sehingga bulan Jun 1985, bilangan unit rumah awam kos rendah yang telah siap dibina ialah sebanyak 51,747 unit. Daripada jumlah ini sebanyak 42,980 unit telah pun diserahkan kepada mereka yang memerlukannya untuk diduduki. Selebihnya adalah dalam proses pemilihan penghuni.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan beberapa strategi untuk melaksanakan dasar perumahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kemampuan implimentasi strategi dasar perumahan ini masih menghadapi banyak kelemahan dan akibat dari ini nampaknya tiap-tiap tahun Kementerian ataupun Kerajaan ada menghadapi masalah untuk mencapai sasaran pembinaan rumah yang ditetapkan dan jika Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang kelemahan ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah cadangan pihak Kerajaan untuk mengatasi segala kelemahan ini?

Yang kedua ialah sama ada Yang Berhormat juga sedar bahawa ramai rakyat di negara kita yang berharap untuk memiliki sebuah rumah masih menganggap ini sebagai satu impian dan apakah Kerajaan hendak melaksanakan untuk menjadikan impian ini sebagai satu kenyataan dan bolehkah negara kita dapat mencapai satu matlamat bahawa sesiapa yang layak untuk memohon rumah boleh mendapatinya?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar, sebagaimana yang kata Yang Berhormat tadi, beberapa kelemahan itu memanglah ada dan setelah mengetahuinya, sebab itulah

saya sebutkan tadi beberapa rancangan telah pun kita kemukakan atau diutarakan supaya dapat kita mengatasi masalah-masalah itu.

Saya minta perhatian Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Kementerian tidak dapat menyediakan rumah sepertimana yang dijangkakan oleh kerana keadaan ekonomi negara kita. Sebenarnya dalam Rancangan Malaysia Keempat, sebagaimana saya sebutkan tadi, ada bangunan yang sipa hampir 41% dan beberapa lagi bangunan sedang dalam pembinaan dan juga perancangan-perancangan yang awal telah pun dijalankan, kami hanya menunggu wang sahaja dan sekiranya wang ada insya Allah kami akan teruskan. Kerja-kerja awal ini semua telah pun disediakan.

Berkenaan dengan soalan tadi, bilakah Kerajaan akan dapat menjadikan impian rakyat itu menjadi satu kenyataan, sekali lagi seperti yang saya sebutkan tadi, Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk menyediakan rumah-rumah ini, tetapi tentulah Ahli Yang Berhormat faham iaitu kita tidak dapat menyediakan rumah kepada semua rakyat kerana rakyat pun sentiasa bertambah dan kita sentiasalah berusaha. Jadi itu sahaja yang dapat saya sampaikan kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu iaitu memandangkan satu-satunya masalah yang paling besar yang dihadapi oleh Kerajaan berkenaan dengan program perumahan awam, sebagaimana yang dikatakan tadi ialah tentang berlakunya shortfall dalam pelaksanaan program ini. Jadi saya ingin mendapat tahu apakah sebab-sebabnya masalah shortfall ini berlaku daripada segi pelaksanaan dan

program-program perumahan? Adakah tidak masalah ini berpunca daripada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri yang menjadi pihak pelaksana kepada program ini? Dan saya juga hendak mendapat tahu apakah cara penyelarasan ataupun usaha dan langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak Kementerian beliau itu supaya penyelarasan monitoring, dengan izin, program perumahan ini di antara Kementerian, Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri dilaksanakan.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat itu maklum kebanyakan rumah ini adalah disediakan oleh Jabatan Perumahan Negara tetapi ada juga beberapa agensi yang lain. Mengikut pilihan Kerajaan Negeri mereka telah pun memilih agensi-agensi yang lain untuk melaksanakan pembinaan rumah ini misalnya Jabatan Kerja Raya, PKEN Negeri-negeri dan juga beberapa badan yang lain adalah juga menjadi badan yang melaksanakan pembinaan rumah-rumah ini dan adalah luar daripada kawalan Kementerian.

Berkenaan dengan shortfall ini tadi, ini berlaku kadang-kadang oleh kerana proses untuk mengambil tanah-tanah yang dimiliki oleh orang perseorangan kadang-kadang mengambil masa dan ini terpaksa Kerajaan Negeri bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain untuk menyelaraskannya.

Bagi pihak Kementerian kami sentiasa mengadakan perhubungan ataupun mesyuarat-mesyuarat dengan agensi-agensi dan Kerajaan Negeri supaya dapat kami menjalankannya dengan lebih lancar lagi, tetapi maklum sahajalah ada beberapa agensi ini adalah di bawah Kerajaan Negeri dan tidaklah dapat bagi pihak Kementerian untuk

memberi arahan kepada mereka dengan secara terus terang. Sekian sahajalah, Tuan Yang di-Pertua.

ZON EKONOMI EKSKLUSIF ASEAN—CADANGAN

3. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan pendirian Kerajaan terhadap cadangan Thailand supaya sebuah Zon Eksklusif Ekonomi ASEAN ditubuhkan kerana Thailand, Malaysia dan Singapura akan menjadi negara-negara ASEAN yang "zone-locked" apabila setiap negara mengisytiharkan Z.E.E 200 batu yang mewujudkan konflik dan perselisihan yang timbul akibat zon-zon laut yang bertindih (over-lapping).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mewujudkan Zon Ekonomi Eksklusif ASEAN bukanlah cadangan Kerajaan Thai tetapi merupakan pandangan peribadi seorang ahli akademik melalui sebuah artikelnya di sebuah akhbar tempatan Thai baru-baru ini.

Sebagaimana terkandung di dalam Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut, Malaysia sebagai sebuah negara berpantai, mempunyai hak kedaulatan dan bidang kuasa penuh untuk mewujudkan Z.E.E. kita bagi maksud menjelajah dan mengeksploitasikan, memelihara dan menguruskan sumber alam sama ada hidupan atau bukan hidupan dari dasar laut, tanah bawah dan perairan "superajasen", dengan izin. Hak ini hanya boleh dilaksanakan secara unilateral atau persendirian oleh negara berpantai berkenaan.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa tidak ada peruntukan di dalam Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut, yang

membenarkan sekumpulan negara mewujudkan Z.E.E. secara serantau (regional) ataupun "multilateral". Maka dengan itu cadangan Z.E.E. ASEAN tidak dapat diterima oleh kerana ia akan menjejaskan konsep Z.E.E. yang diasaskan atas hak unilateral atau persendirian dan prinsip-prinsip kedaulatan kebangsaan.

Di samping itu, Malaysia sedar akan kewajibannya sebagai sebuah negara berpantai untuk memudahkan perhubungan perairan antarabangsa dan menjamin penggunaan perairan untuk tujuan aman. Contohnya dalam Akta perikanan kita, terdapat peruntukan mengenai hak laluan ikhlas atau, dengan izin, innocent passage untuk kapal-kapal asing. Begitu juga Akta Z.E.E. kita mengandungi peruntukan yang memberi peluang untuk kerjasama diberbagai bidang aktiviti maritim misalnya penyelidikan saintifik.

Oleh yang demikian, saya yakin bahawa Malaysia tidak akan menghadapi masalah yang rumit mengenai Z.E.E. kita. Tambahan pula, memang menjadi dasar kita untuk menyelesaikan sebarang masalah melalui rundingan dua hala bersesuaian dengan tradisi kerjasama dan persefahaman.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut, kita ada peruntukan untuk zon serantau atau zon multilateral. Jadi benarkan bahawa ada peruntukan untuk perbincangan atau persetujuan dicapai bilateral di antara kedua-dua negara dan oleh kerana Malaysia dan Thailand akan berkonflik, oleh kerana kedua-dua "zone-locked", selain daripada peruntukan mengenai innocent passage dengan izin, dan mengenai pendidikan, adakah pihak Malaysia bercadang mengadakan

perbincangan dengan Thailand yang pun dengan unilateral ada hak untuk mengadakan Zon Z.E.E. 200 batu supaya masalah-masalah bersama boleh dirunding dan boleh diselesaikan sebelum perkara-perkara konflik antara rakyat kedua-dua negara berlaku?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak bagaimana boleh wujudnya konflik.

Yang pertama, Thailand sendiri telah pun mengisytiharkan secara unilateral mengenai zon ini sebelum daripada kita dan setelah kita membuat deklarasi yang sama, kita memang mengetahui adanya tempat-tempat yang memerlukan perbincangan dan mengikut Konvensyen ini memang sudahpun dibenarkan ataupun diatur bahawa sekiranya timbul mana-mana dispute, dengan izin, maka kedua-dua pihak perlulah berunding dan mencapai kata sepakat, dan sekiranya tidak dapat kata sepakat boleh dirujuk kepada Konvensyen. Oleh kerana kita mempunyai satu muafakat penting melalui ASEAN saya sekali lagi ingin mengatakan walaupun ada kemungkinan sebahagian daripada zon ini over-lapping, tetapi ini tidak akan jadi masalah kerana dianya boleh dirundingkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Thailand dan Singapura pernah mengemukakan hal zon ekonomi eksklusif dengan Malaysia? Kalau ada, apakah sektor-sektor yang dibangkitkan oleh mereka?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mengisytiharkan Zon Ekonomi Eksklusif ini ataupun kepada pihak-pihak yang lain, seperti yang saya katakan, ini dibolehkan ianya

dilakukan secara "unilateral", maknanya kalau tak hendak berbincang pun tak apa. Tetapi dalam hal lain, seperti kita membuat kawalan bagi The Straits of Malacca, dengan izin, ini memang kita ada membuat rundingan di peringkat utara dengan pihak Thailand dan Indonesia; di bawah dengan Indonesia dan Singapura. Selain daripada itu, sekiranya kita ingin berbincang perkara-perkara yang ada kaitan dengan ekonomi, perikanan dan sebagainya dari semasa ke semasa, ini memang dijalankan seperti yang saya sebutkan dengan Thailand, mahupun dengan pihak-pihak yang lain di dalam ASEAN ini.

FERI MALAYSIA— PERKHIDMATAN

4. Tuan Thomas Salang Siden minta Perdana Menteri menyatakan bilakah perkhidmatan feri dari Kuching, Kota Kinabalu dan Kuantan Semenanjung mulakan operasinya, dan nyatakan ongkos tambang untuk satu perjalanan tambang pulang balik dan keselamatan untuk penumpang.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, soalan mengenai tarikh mula perkhidmatan Feri Malaysia dan ongkos untuk satu perjalanan pulang balik telah pun dihuraikan dalam Dewan ini pada 7hb November, 1985 yang lalu ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

Mengenai keselamatan untuk penumpang, kapal Feri Malaysia akan dilengkapi dengan alat-alat keselamatan seperti sekoci penyelamat, pelampung, "buoyant apparatus", dengan izin, serta alat

pemadam api, sebagaimana yang diperlukan oleh peraturan-peraturan SOLAS 60 (Safety of Life a Sea) dan IMCO 67 (International Maritime Consultative Organization). Juga, pihak Jabatan Laut akan memeriksa kapal feri ini sebelum dapat dikeluarkan "passenger certificate" ataupun kebenaran untuk mengangkat passengers untuk feri ini yang membenarkan belayar sebagai kapal penumpang. Setiap kakitangan akan diberi latihan yang cukup dari segi "basic first aid", "basic fire fighting", "personal survival" dan "survival craft", dengan izin, sebelum mereka mula bekerja di atas kapal. Sehubungan dengan ini, Feri Malaysia Sendirian Berhad akan menyelaraskan program latihan keselamatan dalam perlautan dengan Akademi Laut Malaysia atau ALAM di Melaka dan Jabatan Laut mengikut peraturan STCW (Standardization for the Training and Certification for Watchkeepers).

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Minta tanya berkenaan dengan keselamatan sahaja. Pertanyaan yang lain-lain sudah pun dijawab dahulu.

KOC KERETAPI MODEN

5. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah koc-koc keretapi yang moden akan dibeli untuk menggantikan koc-koc yang lama yang masih dalam perkhidmatan dan adakah beliau sedar bahawa satu faktor utama kegelinciran keretapi ialah disebabkan landasan keretapi yang lama dan bilakah ianya akan diganti dan bilakah landasan keretapi dua hala dapat diadakan memandangkan perkhidmatan keretapi mendapat sambutan yang popular.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terbahagi kepada empat bahagian.

Pertama, Kementerian Pengangkutan memang sedar bahawa koc-koc keretapi yang moden adalah diperlukan untuk menggantikan koc-koc lama untuk menjamin keselesaan dan keselamatan perkhidmatan keretapi. Oleh yang demikian, dalam tahun 1984, KTM telah pun membeli 50 buah koc baru yang terdiri daripada:

18 buah koc kelas ekonomi (tanpa hawa dingin),

16 buah kos kelas ekonomi berhawa dingin,

4 buah koc kelas satu berhawa dingin,

4 buah koc bufe berhawa dingin, dan

8 buah koc kelas satu siang/malam berhawa dingin.

Sejumlah \$43.5 juta telah dibelanjakan untuk pembelian koc-koc tersebut. Di dalam Rancangan Malaysia Kelima pula, KTM telah mengemukakan cadangan untuk membeli sebanyak 165 buah koc lagi daripada berbagai jenis untuk menggantikan koc-koc yang lama. Program ini melibatkan pelupusan sebanyak 158 buah koc yang lama daripada berbagai jenis dan memperkenalkan koc-koc jenis baru.

Kedua, Kementerian Pengangkutan sedar hal ini dan adalah mengambil berat tentang kejadian-kejadian kegelinciran keretapi yang berlaku disebabkan oleh berbagai-bagai faktor, di antaranya termasuklah kerosakan landasan. Untuk mengelakkan kejadian kegelinciran keretapi yang disebabkan oleh kerosakan landasan, KTM telah menukarkan rel-rel (landasan) yang

lama kepada rel baru, di samping memperkukuhkan semula struktur landasan yang ada. Pengalas-pengalas landasan (sleepers), batu balas (ballast) dan peralatan-peralatan landasan juga telah ditukar. Setakat ini KTM telah pun menggunakan 200,000 unit pengalas-pengalas konkrit (concrete sleepers) di dalam usaha meningkatkan kualiti pengalas landasan.

Ketiga, projek memperbaharui landasan keretapi ini sedang dan akan diteruskan di dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk menukar (relaying). Di dalam cadangan projek-projek untuk Rancangan Malaysia Kelima, pihak KTM telah meletakkan projek memperbaharui landasan bagi bahagian-bahagian yang belum diperkukuhkan lagi sebagai satu projek keutamaan.

Keempat, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa rancangan untuk mengadakan landasan keretapi dua hala atau sistem keretapi landasan berkembar sedang di dalam pertimbangan Kerajaan. Kajian kemungkinan untuk membina sistem keretapi baru ini telah pun selesai dijalankan oleh pakar dari Japan International Co-operation Agency (JICA). Menurut kajian ini, keutamaan ialah untuk membina landasan baru dari Pantai Barat ke Pantai Timur Semenanjung. Jika Kerajaan memberi kelulusan untuk melaksanakan projek ini, ianya akan bermula pada tahun 1986 dan dijangka siap pada tahun 1990. Untuk sistem keretapi baru Pantai Barat pula, cadangan untuk membina landasan berkembar ini hanya akan dilaksanakan selepas tahun 1990, tertakluk kepada kadar permintaan ketika itu.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dinyatakan oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan tadi bahawa koc-koc telah pun dipesan dan banyak ada di landasan keretapi kita sekarang. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri kita sedar bahawa koc-koc ini baru dan kebersihan pun didapati, tetapi tentang tandas itu terdapat kekotoran, macam tak ditaruh "vim" ataupun ditaruh alat-alat penyuci yang sebersihnya.

Keduanya, semasa penumpang-penumpang membeli tiket dibekalkan dengan nombor. Nombor ini apabila dapat, sampai sahaja dalam keretapi itu bergaduh, sudah dua tiga kali saya naik keretapi, kerana tak sesuai, tak seimbab, selaras, selari nombor yang diberi oleh penjual tiket itu dengan yang ada di dalam koc itu.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua saya tak sedar. Pertama, tandas kotor ini saya kena pergi cek pula.

Kedua, masalah tiket, Tuan Yang di-Pertua. Masalah ini jika Yang Berhormat boleh beri satu kenyataan secara bertulis, tindakan akan saya ambil.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin membuat pertanyaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu dalam jawapan sebentar tadi pihak Kementerian begitu bersungguh-sungguh untuk mengelakkan perkhidmatan pengangkutan keretapi ini, iaitu dengan membeli beberapa banyak koc yang moden dan juga membaharui landasan-landasan. Tetapi adakah Yang Berhormat menyedari bahawa sehingga ini dalam usaha kita mengelakkan perkhidmatan ini terdapat banyak stesen-stesen lama yang dilalui oleh keretapi ini yang sudah terlalu uzur, iaitu sejak zaman penjajah sehinggalah sekarang masih itulah

rupa keadaannya, seperti di Tapah, Batang Padang misalnya. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan adakah keadaan yang begitu uzur ini hendak dibiarkan berkekalan sehingga menimbulkan perasaan kurang senang pemandangan pelancong-pelancong yang menggunakan perkhidmatan keretapi. Dan yang kedua, adakah cadangan Kementerian untuk menutup terus atau merobohkan stesyen-stesyen lama ini supaya tidak terdapat pemandangan yang buruk seperti saya sebut tadi dan boleh juga mengurangkan perbelanjaan Kementerian kerana kebanyakan stesyen-stesyen ini tidak lagi digunakan oleh keretapi yang lalulintas setiap hari.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada niat pihak Kementerian atau KTM untuk merobohkan stesyen-stesyen lama. Peruntukan untuk memperbaiki stesyen-stesyen lama telah kita buat dalam Rancangan Malaysia Kelima dan setengah-setengah tempat akan dipermodenkan lagi.

BORANG CUKAI PENDAPATAN

6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan sedar terdapat ramai di kalangan rakyat yang tidak faham tentang cara mengisi dan mengemukakan borang cukai pendapatan. Apakah langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut. Dan apakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan pejabat-pejabat perkhidmatan percukaaian di daerah-daerah seluruh negara.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada pembayar cukai yang tidak faham tentang cara mengisi

borang cukai pendapatan sungguhpun borang-borang berkenaan senang difahami. Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat berkenaan ada cadangan yang baik bagi mempermudah lagi borang yang mudah ini, silalah kemukakan cadangan itu kepada Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya jika ada sesiapa yang mempunyai masalah untuk mengisi borang penyata bagi satu-satu tahun, bantuan boleh diperolehi dari pejabat-pejabat cukai pendapatan. Kerajaan telah menubuhkan 19 cawangan Jabatan Hasil Dalam Negeri di seluruh negara. Cawangan-cawangan ini mempunyai perkhidmatan khas untuk membantu segala masalah-masalah berkaitan dengan cukai pendapatan, termasuklah bantuan mengisi borang-borang cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Kerajaan tidak berhajat untuk mendirikan pejabat-pejabat perkhidmatan di daerah-daerah seluruh negara.

LESEN BARU MEMANDU KERETA

7. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Pengangkutan menyatakan berkaitan dengan lesen memandu kereta yang baru dikeluarkan:

- (a) sama ada beliau sedar akan aduan-aduan bahawa adakah satu urusan akan dibuat untuk menggalakkan kesedaran orang ramai tentang lesen baru ini; dan
- (b) sama ada Kementerian akan mengadakan pusat-pusat membaharui lesen memandu di bandar-bandar yang tidak mempunyai pejabat RIMV.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman:
Tuan Yang di-Pertua,

(a) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah memperkenalkan lesen memandu baru berlapis mulai pada bulan Mei 1984. Ketika melancarkan pengeluaran lesen memandu baru berlapis itu, Jabatan Pengangkutan Jalan telah membuat pengumuman serta kenyataan akhbar melalui media massa yang bertujuan memaklumkan kepada orang ramai tentang cara-cara untuk menukarkan lesen memandu lama kepada lesen memandu baru berlapis. Di samping itu, kedai-kedai mengambil gambar telah diberi tahu melalui persatuan mereka serta mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di Jabatan Pengangkutan Jalan tentang ciri-ciri gambar yang hendak digunakan bagi lesen memandu baru berlapis itu. Dengan penerangan-penerangan tersebut, Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan berpendapat bahawa semua orang awam dan kedai-kedai mengambil gambar telah faham dan memainkan peranan masing-masing untuk menyebarkan tentang cara-cara untuk mendapatkan lesen memandu baru.

(b) Kementerian Pengangkutan telah pun mengadakan sebanyak 20 pejabat kecil JPJ di antara tahun 1981 hingga 1983. Dengan adanya pejabat-pejabat kecil tersebut penduduk-penduduk luar bandar tidak perlu lagi pergi ke pejabat-pejabat JPJ di ibu negeri berkenaan. Dalam keadaan ekonومي negara sekarang ini, Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk

mengadakan pejabat-pejabat kecil JPJ tambahan di bandar-bandar yang tidak mempunyai pejabat JPJ.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari bahawa untuk menukar daripada lesen lama kepada lesen baru ini memakan masa sampai 4 bulan lebih pun belum dapat lagi, iaitu kalau kita menukarnya di RIMV Kota Bharu, misalnya. Jadi, saya ingin tahu berapa lamakah masa untuk kita menukarkan daripada lesen lama kepada lesen baru supaya tidak mengendalakan orang yang menggunakan lesen lama itu pergi menyambung tiap-tiap bulan, sehingga 4 bulan telah menyambung lesen lama masih belum dapat lagi lesen baru.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar perkara ini berlaku. Sebabnya ialah membarui lesen lama kepada lesen baru ini terpaksa dibuat di ibu pejabat iaitu di Kuala Lumpur. Tetapi orang ramai sepatutnya tidak menjadikan beban kerana dalam masa pengambilan lesen baru, mereka masih boleh menggunakan lesen lama dan di dalam borang-borang yang kita sertakan sewaktu mereka hendak mengambil lesen baru itu, kita sertakan satu borang kecil yang mana ada dimaklumkan apabila siap lesen baru itu kelak atau jika mereka ditahan di jalan-jalan raya, mereka boleh menggunakan borang itu sebagai makluman kepada orang yang menahan mereka bahawa lesen mereka sedang berada di pejabat JPJ dan apabila lesen mereka siap borang itu akan dihantar kepada pemohon untuk mengambil lesen baru mereka. Saya difahamkan buat masa sekarang ini perkara-perkara itu sudahpun berkurangan.

**MAS—DAILOG DENGAN
SYARIKAT PENERBANGAN
ANTARABANGSA**

8. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan secara lanjut apakah langkah yang telah atau akan diambil untuk membolehkan MAS mengambil daya usaha untuk berdailog dengan berbagai syarikat penerbangan antarabangsa mengenai rancangan untuk mempelbagai dan meluaskan laluan penerbangan selaras dengan hasrat Malaysia untuk memajukan pelancongan. Apakah hasil perbincangan ini.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan industri pelancongan negara, Kerajaan dan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sentiasa memberi perhatian terhadap usaha-usaha untuk meluaskan rangkaian perkhidmatan antarabangsa MAS dan juga untuk menarik lebih ramai syarikat penerbangan antarabangsa untuk mengadakan penerbangannya ke Malaysia. Dalam hubungan ini pendekatan yang diambil adalah berdasarkan kepada 2 peringkat iaitu rundingan ataupun "dialogue" dengan negara-negara asing dan syarikat-syarikat penerbangan. Bagi peringkat Kerajaan, rundingan-rundingan sentiasa diadakan dari semasa ke semasa iaitu bukan sahaja untuk tujuan mendapatkan hak-hak trafik bagi MAS tetapi juga untuk memberikan hak-hak trafik yang diperlukan oleh syarikat-syarikat penerbangan asing. Pada masa ini sebanyak 46 buah syarikat penerbangan antarabangsa asing telah diberi hak mengadakan penerbangannya ke Malaysia dalam perjanjian-perjanjian berkenaan. Sungguhpun demikian tidaklah semua syarikat-syarikat penerbangan ini mempunyai perkhidmatan ke Malaysia kerana adalah terpulang kepada mereka untuk membuat

keputusan sama ada hendak menggunakan hak-hak tersebut atau tidak.

Bagi peringkat syarikat penerbangan pula pihak MAS mengadakan penerbangan-penerbangan dengan syarikat-syarikat penerbangan asing untuk meninjau kemungkinan mengadakan operasi secara usahasama dengan mereka itu. Dalam hal ini beberapa operasi usahasama telah dapat dilaksanakan di antara MAS dengan syarikat-syarikat penerbangan asing itu.

Pihak Kerajaan dan MAS juga pada masa ini mengambil tindakan untuk mengadakan perbincangan dengan negara-negara seperti Egypt, Denmark, Itali dan sebagainya bagi tujuan meninjau kemungkinan mengadakan penerbangan-penerbangan tersebut.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, bahawa Kerajaan pada baru-baru ini telah melancarkan kempen untuk menarik lebih pelancong dari negara-negara Scandinavia untuk melawat Malaysia, suka saya mendapat tahu apakah perundingan yang telah diadakan di antara Syarikat MAS dengan Syarikat Penerbangan Finland atau Fin Air terhadap perkara ini dan apakah hasil tentang rundingan itu?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi Kerajaan sentiasa mengadakan perundingan kepada negara-negara yang berminat untuk membuat pendaratan melalui penerbangan kita ataupun penerbangan mereka. Dengan itu sepertimana yang kita sedia maklum, Kementerian telah pun mengadakan perbincangan dengan negara-negara daripada Scandinavia dan peringkat

pertamanya sudah pun diadakan dan belum ada lagi sesuatu keputusan yang muktamad.

URUSAN PERSIDANGAN PARLIMEN—BAHASA

9. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan bilakah urusan Persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara menggunakan satu Bahasa Kebangsaan sahaja, supaya dapat mengurangkan perbelanjaan negara dan mengurangkan beban kakitangan Parlimen yang terpaksa menyediakan kertas dua bahasa. Lebih penting lagi untuk mengurangkan kesilapan serta menjadikan naskah sahah dalam Bahasa Kebangsaan benar-benar diperaktikkan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dengan perkataan-perkataan “Urusan Persidangan” ialah perbahasan, maka sebagaimana termaklum, perbahasan sememangnya dijalankan dalam Bahasa Malaysia. Perkataan-perkataan Inggeris boleh digunakan hanya dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Sekiranya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah “Aturan Urusan Mesyuarat”, dengan izin, Order Papers dan dokumen-dokumen Parlimen yang lain, jawapan saya ialah sama dengan jawapan yang telah saya berikan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini pada 2hb April, 1985.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, di dalam soalan saya, saya maksudkan ialah sebarang peraturan dan juga sebarang Akta dan juga sebarang

Urusan di dalam Parlimen ini bilakah hendak digunakan di dalam Bahasa Malaysia sepenuhnya.

Yang kedua, saya ingin bertanya apakah Akta dan Peraturan yang dibuat di dalam Dewan ini di cipta ataupun sahahnya di dalam Bahasa Malaysia dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris ataupun sebaliknya? Kalau ianya dicipta dalam Bahasa Malaysia, mengapakah Akta dalam Bahasa Malaysia ini lebih susah difahami, ayatnya berbelit-belit dan juga ayatnya kadang-kadang bukan ayat Bahasa Malaysia jika kita bandingkan dengan ayat ataupun Akta dalam Bahasa Inggeris itu sendiri? Jadi kalau sekiranya benda menjadi sebaliknya, bilakah hendak dicipta dalam Bahasa Malaysia supaya mudah kita faham?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha sedang dibuat bagi mempertingkatkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam urusan Persidangan dan juga dalam bahan-bahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Parlimen, misalnya naskah Bahasa Malaysia adalah menjadi naskah sahah, bagi kebanyakan naskah Undang-undang melainkan dalam beberapa kes Undang-undang yang tertentu sahaja. Yang Berhormat tadi mengatakan bila diterjemahkan ke Bahasa Malaysia daripada bahasa Inggeris, ayatnya berbunyi berbelit-belit, memanglah ini caranya, oleh kerana hendak ditentukan tiap-tiap perkataan itu betul-betul menepati maknanya dan kadangkala itulah kita memerlukan nasihat daripada Peguam-peguam untuk memahami ayat-ayat seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Kok Hooi.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Tan Kok Hooi tidak hadir).

LADANG RISDA—PENJUALAN

11. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada pihak Kementerian telah mengkaji segala aspek sebelum membuat keputusan untuk menjual ladang-ladang kepunyaan pihak RISDA, jika Kerajaan berkeputusan untuk menjual ladang-ladang tersebut, minta pihak Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menjual ladang-ladang tersebut kepada usahawan tempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan di sini iaitu langkah menjual ladang RISDA adalah merupakan cara difikirkan pada asalnya oleh Kerajaan untuk mencapai objektif-objektif ke arah mempertingkatkan keupayaan ladang dan seterusnya meningkatkan pulangan modal ladang di samping mengatasi masalah kekurangan Tabung Cess. Namun begitu, Kerajaan telah menerima beberapa cadangan-cadangan lain yang difikirkan wajar untuk dipertimbangkan, tidak semestinya melalui penjualan ladang sahaja.

Kementerian saya sedang mengkaji pelbagai cara dan satu Jawatankuasa Khas telah ditubuh di Kementerian untuk mengkaji berhubung dengan urusan penyusunan semula dari segala aspek ladang-ladang RISDA yang terdapat di bawah pengurusan ASPEK

IMIGEREN HARAM BEKERJA DI LADANG

12. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan menjadikan suatu kesalahan bagi warganegara

negara ini memberi perlindungan ataupun menggaji imigiren-imigiren haram memandangkan kenyataan bahawa terdapat seramai 500,000 mereka ini telah digaji di ladang-ladang yang luas di Johor, skim tanah di Pahang dan tapak pembangunan di bandar-bandar besar, dan jika tidak, bagaimanakah beliau akan menyalurkan keluar imigiren-imigiren ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Imigresen yang berkuatkuasa sekarang memberi kuasa yang mencukupi kepada Kerajaan untuk mengambil tindakan ke atas mana-mana pendatang haram atau terhadap penduduk negara ini yang bersubahat atau menggaji pendatang haram. Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Undang-undang ini.

Tuan Haji Wan Mohd Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pendatang-pendatang haram yang disebutkan ini ialah mereka ini sebenarnya masuk itu halal, tetapi tidak mahu keluar apabila sampai masa dan apabila tidak mahu keluar di situ mereka menjadi haram? Kalau begitu, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada bilangan mereka yang masuk secara halal, lepas itu habis tempoh mereka tidak mahu balik, adakah angka-angkanya Yang Berhormat dapat beri?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah diakui bahawa sistem "tracking", dengan izin, adalah menjadi satu masalah kepada Pejabat Imigresen untuk kita track, dengan izin, mereka-mereka yang telah memasuki negara ini secara sah dan kemudian menduduki di negara ini selepas tempoh yang dibenarkan itu luput.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, adalah dijangkakan bahawa lebih kurang 10% daripada mereka yang memasuki negara ini secara sah tidak balik ke negara asal. Ini bermakna 10% menduduki di negara kita ini dengan secara haram. Kita sedang mengkaji satu sistem yang baru agar kita boleh track, dengan izin, mereka-mereka yang menduduki secara haram selepas tempoh yang dibenarkan itu.

KES RASUAH DIRUJUK KEPADA PEGUAM NEGARA

13. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kos yang membabitkan rasuah yang dirujuk kepada Peguam Negara untuk memperolehi pendapatnya dan berapa daripada kes ini digugur atau ditutup dan jumlah daripadanya yang didakwa dalam mahkamah bagi tempoh-tempoh berikut: 1981, 1982, 1983, 1984 1985 sehingga 30-9-1985) dan sama ada beliau berpuashati dengan keputusan Peguam Negara itu.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes yang membabitkan rasuah yang dirujuk kepada Peguam Negara iaitu Jabatan Peguam Negara oleh pihak Polis dan Badan Pencegah Rasuah untuk memperolehi pendapatnya dalam tahun 1981 hingga 30hb September, 1985 adalah sebanyak 31 kes. Jumlah yang ditutup atau digugur ialah 14 kes. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga adalah berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Peguam Negara.

KAMPUCHEA—USAHA DAMAI ASEAN

14. Tuan Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan dengan tersingkirnya Pol Pot dari pentadbiran Demokratik Kampuchea apakah kesannya

terhadap usaha damai ASEAN yang sedang berjalan sekarang.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj) Tuan Yang di-Pertua, persaraan Pol Pot boleh dianggap sebagai satu langkah positif dari pihak Khmer Rouge untuk memikirkan apa yang disebut oleh pihak Vietnam selama ini sebagai penghalang, dengan izin, obstacles, terhadap sebarang usaha untuk mencapai kedamaian di antara pihak-pihak yang bersengketa dalam masalah Kampuchea, tetapi pengunduran Pol Pot telah tidak mengubah sikap Vietnam yang sedikit pun tidak bertolak ansur. Persaraan itu juga membuktikan bahawa pejuang-pejuang Kampuchea telah mula menunjukkan bahawa mereka boleh mengenyepikan kepentingan peribadi bagi memajukan kepentingan negara dan bangsa mereka.

Kita berharap pengunduran Pol Pot yang diikuti pula oleh perubahan oleh pucuk pimpinan Khmer Rouge akan mengubah sikap pergerakan tersebut menjadi lebih moderate dan dengan itu membawa kepada kerjasama dan persefahaman yang lebih baik di antara puak-puak dalam Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea.

GURU SEMENTARA MELETAKKAN JAWATAN

15. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) berapakah ramai guru-guru sementara di Sekolah-sekolah SRJK (China) yang meletakkan jawatan pada bulan Julai/Ogos tahun ini untuk melanjutkan pelajaran di Institusi-institusi pelajaran Tinggi;

(b) apakah keadaan ini berulang-ulang tiap-tiap tahun. Jika ya, sebutkan kekosongan yang wujud pada 1982, 1983 dan 1984;

- (c) memandangkan keperluan KBSR, apakah anggaran kekurangan guru di Sekolah-sekolah SRJK (China) bagi tahun 1986;
- (d) apakah beliau sedar tindakan Kementerian beliau dalam hal ini tidak memadai untuk mengatasi kekurangan guru secara berkesan; dan
- (e) apakah strategi baru yang akan diperkenalkan Kementerian beliau.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tiada rekod mengenai guru-guru sementara yang meletakkan jawatan untuk melanjutkan pelajaran ke Institusi-institusi Pelajaran Tinggi atau atas sebab-sebab lain. Biasanya guru-guru tersebut tidak menyatakan ataupun tidak perlu menyatakan sebab-sebab mereka meletakkan jawatan. Oleh itu perangkaan mengenai kekosongan oleh sebab yang bekenaan pada tahun 1982, 1983 dan 1984 tidak dapat diberikan.

Anggaran kekurangan guru di SRJK (C) di seluruh negara bagi tahun 1986 adalah seramai 3,987 orang.

Sebenarnya kekurangan guru-guru terlatih terdapat di semua jenis sekolah rendah, bukan hanya di SRJK(C) sahaja. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah kekurangan guru terlatih di sekolah-sekolah di negara ini. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) Menambahkan bilangan calon guru-guru pelatih di maktab-maktab perguruan.
- (ii) Meneruskan dan menambahkan calon-calon kursus dalam cuti bagi guru-guru sandaran.

- (ii) Memikirkan kemungkinan mengambil semula guru-guru bersara yang masih sihat dan berminat untuk mengajar secara kontrak.

TANAH HUTAN DITANAM SEMULA

16. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) bilangan hektar tanah hutan yang—
- (i) pokoknya masih belum ditumbangkan untuk balak di setiap negeri;
- (ii) telah pun ditanam semula serta jenis pokok yang telah ditanamkan bagi setiap negeri;
- (b) bagi tanah hutan yang telah ditanam semula di setiap negeri, bilakah ianya akan dapat ditumbangkan untuk bekalan balak; dan
- (c) bilangan lesen pembalak yang telah dikeluarkan di dalam setiap negeri bagi tahun-tahun 1980, 1981, 1982, 1983, 1984 dan menjelang bulan September, 1985.

Timbalan Menteri Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Oleh kerana soalan ini memerlukan jawapan yang begitu panjang dan dipenuhi dengan angka-angka yang begitu panjang, dengan sebab itu saya mohon agar jawapan ini dijawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua Saya benarkan.

PROTON SAGA— EJEN KERETA BUMIPUTRA

17. Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah

Syarikat Bumiputera yang dapat menjadi Ejen menjual kereta proton Saga.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, mujurlah jawapan saya ini pendek sahaja. Saya ingin menjelaskan bahawa sistem pengedaran pemasaran kereta PROTON Saga adalah menerusi pengedar dan wakil-wakil penjual yang dilantik. Oleh itu tidak terdapat Ejen di dalam sistem pemasaran kereta PROTON Saga sepertimana yang Ahli Yang Berhormat katakan. Walau bagaimanapun, sekiranya istilah Ejen itu bermaksud wakil penjual maka untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut perancangan, pada tahun 1986 sebanyak 22 buah syarikat bumiputera akan dilantik sebagai penjual kereta PROTON Saga.

Perlantikan wakil penjual akan dibuat oleh Lembaga Pengarah Syarikat Edaran Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (EON) berpandu kepada garis-garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menjamin ianya sejajar dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru. Calon-calon yang sesuai yang dipilih akan dilantik untuk memulakan perniagaan dalam tahun 1986 secara berperingkat-peringkat dan tarikh perlantikan dijangka dibuat sebelum akhir tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(Soalan No. 18 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir)

KAUM CINA/INDIA SEBAGAI IMIGRAN

19. Tuan Ling Sie Ming minta Perdana Menteri menyatakan Y.A.B. mengumumkan bahawa "kaum Cina

adalah imigran dari luar negeri" pada istiadat pembukaan kem Pekerjaan yang diadakan oleh pergerakan pemuda, Barisan Nasional, Kuching pada 25hb Ogos, 1985. Pernyataan Y.A.B. telah menjadi kebimbangan kaum Cina. Berhubung dengan ini, sila terangkan kenyataan Y.A.B.

18. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dengan merujuk kaum Cina dan India di Malaysia sebagai "immigrants" di dalam ucapan beliau di Kem Kerja Belia Nasional di Lubok Antu, Sarawak baru-baru ini, beliau telah menghina rakyat Malaysia yang bukan Bumiputera dan telah menimbulkan kegelisahan dan ketidaksenangan yang meluas di kalangan rakyat.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ingin menjawab soalan ini dengan soalan No. 18 tadi.

Saya ingin menjawab soalan ini, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Y.A.B. Perdana Menteri bersama-sama dengan soalan No. 18 yang saya sebutkan tadi. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul dan soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 28hb November, 1985 oleh kerana perkara-perkara ini menyentuh masalah yang sama. Sukalah saya menjelaskan bahawa anggapan seolah-olah dalam ucapannya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghina kaum Cina dan India tidak harus berbangkit langsung dalam ucapannya. Saya ingin menyakinkan di sini supaya warganegara Cina dan India tidak perlu merasa risau dan gelisah kerana kenyataan Yang Amat Berhormat itu dibuat dalam konteks sejarah kedagangan kaum-kaum lain yang menetap di satu-satu negara yang mana ciri-ciri kebudayaan asal mereka telah hilang. Adalah jelas, kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri itu sama ada sengaja atau tidak sengaja telah disalah-tafsirkan oleh pihak-pihak tertentu. Dengan penjelasan ini adalah diharapkan perkara itu tidak akan berbangkit lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, supaya perkara ini tidak akan lagi menimbulkan kerisauan atau kegelisahan, yang akan menjadi satu halangan terhadap proses perpaduan negara, adakah pihak Kementerian pemimpin-pemimpin dalam Jemaah Menteri dan pemimpin-pemimpin Kerajaan buat satu contoh supaya untuk masa depan istilah-istilah atau rujukan warganegara yang bukan Melayu sebagai kaum pendatang diberhentikan oleh kerana sampai sekarang semua atau hampir semua warganegara yang bukan Melayu bukan lagi kaum pendatang tetapi sebenarnya juga Bumiputera dalam ertikatanya.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh lari dan mengelakkan dari menyebut sejarah. Jadi, dalam rangka kita menyebut sejarah mungkin kita terpaksa menyebut kaum itu datang daripada mana dan sebagainya. Kalau setakat kita hendak kunci mulut oleh kerana ada pihak-pihak seperti DAP tidak sukakan hal itu, ini tidak boleh kita lakukan dan tidak boleh kita janjikan. Di dalam hal ini saya juga hendak jelaskan, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun beliau menyebut bukan sahaja sejarah tetapi keadaan yang berlaku di negara-negara yang lain yang terdapat juga kaum-kaum yang mendatang di sana, apakah ini juga salah?

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjelaskan, jikalau sekiranya kita pada masa sekarang boleh melupakan latarbelakang sejarah tetapi

memeriksa keadaan yang kini, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan bahawa semua orang-orang India, orang-orang Cina, orang-orang warganegara di dalam negara kita, adakah mereka pendatang atau warganegara?

Yang kedua, oleh kerana dari segi tafsiran perundangan warganegara adalah lain daripada pendatang dan adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sesiapa orang yang meklasifikan saya sebagai seorang pendatang imigran dan bukan seorang warganegara telah melanggar Seditious Act oleh kerana menyoalkan soal kewarganegaraan saya.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, semua mereka yang mempunyai Kad Pengenalan termasuk Ahli Yang Berhormat adalah warganegara, ini saya tidak hendak bahaskan lagi, sebab Yang Berhormat dapat masuk ke Parlimen ini menunjukkan Ahli Yang Berhormat sudahpun menjadi warganegara. Tetapi dalam kita menggambarkan sesuatu dari segi discription jadi kadangkala kita menggunakan dari segi konteks sejarah siapa yang datang, dan ini bukan merupakan satu takrif undang-undang. Saya belum melihat di dalam Perlembagaan yang mengatakan ada takrif pendatang lepas itu kita jelaskan, melainkan Ahli Yang Berhormat boleh menunjukkan kepada saya bahawa kalau kita menggunakan perkataan "pendatang" dalam kita menggambarkan cerita sejarah ini adalah salah dari segi undang-undang.

EMPAT EKOR—HASIL TAMBAHAN PERBENDAHARAAN

20. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan amaun hasil tambahan yang pihak Perbendaharaan akan memperolehi dari cabutan

tambahan mingguan Empat Ekor sejak ia diluluskan; tambahan hasil yang dijangka diterima dalam tahun (i) 1985 dan (ii) 1986 akibat kelulusan cabutan tambahan mingguan yang ketiga Empat Ekor dan sama ada Kementerian bercadang menarik balik kelulusan yang diberi untuk cabutan mingguan yang ketiga empat ekor itu.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, cabutan tambahan mingguan Empat Nombor Ekor telah diluluskan sejak 25hb April, 1985. Tambahan hasil dari 25hb April ini hingga 30hb September tahun ini ialah \$6.03 juta. Kerajaan menjangka akan dapat memungut tambahan hasil sebanyak \$11 juta dalam tahun 1985 dan \$16 juta dalam tahun 1986 hasil dari tambahan cabutan Empat Nombor Ekor ini.

Kerajaan sedang mengkaji implikasi tambahan cabutan ini dan tindakan sewajarnya akan diambil setelah kajian ini selesai nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan apa alasan atau apa sebab pihak Kerajaan meluluskan cabutan tambahan. Adakah itu berasaskan keuntungan atau hasil lebih yang boleh dikutip oleh Kerajaan. Dan kalau begitu, adakah Kerajaan akan menambahkan lagi cabutan Empat Ekor. Dan kedua, adakah asas untuk meneruskan tambahan cabutan ini ialah berasas untuk membantu syarikat yang mengendalikannya Empat Ekor ini ialah Magnum Corporation yang semua tahu ialah anak syarikat MCA, antara tujuan-tujuannya untuk membantu puak MCA, khususnya Tan Koon Swan faction supaya boleh dapat dividen yang lebih baik dalam syarikat-syarikat multi-purpose atau syarikat-syarikat MCA atau apa-apa sebab.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, di dalam apa juga

pengeluaran lesen apabila ada permohonan, Kementerian berhak dan boleh menimbangkan sesuatu permohonan itu. Apabila difikirkan sesuai pada satu-satu ketika lesen itu diberi. Dan lesen ini akan dikaji dari semasa ke semasa. Maka itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak memohon atas syarikat-syarikat dia sendiri, pohonlah. Soal sama ada kita luluskan atau tidak, akan kita timbangkan.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan dengan meluluskan cabutan Empat Ekor ialah melanggar tata tertib agama Islam yang tidak membenarkan perjudian. Sekarang satu cabutan Empat Ekor tambahan telah diluluskan. Adakah Kerajaan menggalakkan perjudian melalui perbuatan tersebut. Dan adakah penganut-penganut agama Islam yang membeli Empat Ekor dianggap melanggar tata tertib agama Islam serta melanggar undang-undang Islam?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, dalam agama Islam ini, kalau buat sedikit pun salah, buat banyak pun salah. Jadi, kalau sudah salah, salahlah. Sama ada tambahan atau tidak tambah itu soalan lain. Jadi, soal menambah lesen ini tidak timbul lagi. Soal salah, tidak salah ataupun menentang dari prinsip ataupun dari hukum Islam tidak timbul. Soal sama ada orang-orang Islam berjudi ini salah atau tidak, itu sudah tentu salah. Tetapi kalau hendak mainkan juga tidak apa yang boleh kita buat. Kita tidak boleh menghalang orang, menahan sesiapa hendak berjudi. Itu terpulang pada merekalah, tanggung dosa sendirilah dengan Tuhan.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri tadi, beliau tidak menyatakan pihak

Kerajaan adalah berhak untuk menambahkan cabutan mingguan bagi Empat Ekor ini. Saya hendak tahu dari Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, kalau berhak tambahan, adalah berhak mengurangkan. Soalan kedua, kalau.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat cukuplah. Satu soalan cukup kerana masa sudah cukup. Satu soalan sahaja. Sila jawab itu.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, memang betul Kerajaan berhak menambah atau mengurangkan. Jadi, kalau sekarang ini telah diluluskan seperti saya katakan tadi, Kerajaan boleh menghapuskan cabutan tambahan ini boleh dibuat apabila difikirkan sesuai dan kena pada waktunya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan 10 adalah diberi di bawah ini).

TABUNG PUSINGAN PENCEN

1. **Tuan Lim Liang Seng** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengujudkan satu tabung pusingan untuk tujuan bayaran pencen yang telah kian bertambah besar jumlahnya.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Cadangan untuk mengujudkan satu tabung pusingan pencen adalah salah satu daripada beberapa cadangan yang sedang dikaji oleh Kerajaan bagi mengatasi beban pembayaran pencen yang didapati kian bertambah.

PULAU LANGKAWI DI-JADIKAN "FREE PORT"

10. **Tuan Tan Kok Hooi** minta Menteri Kewangan menjelaskan adakah Kerajaan bercadang menjadikan Pulau Langkawi sebuah "free Port" supaya menarik pelancong-pelancong asing serta menjamin pulau itu dimajukan dengan cepat.

Dato Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Yang Berhormat, sebuah syarikat tempatan telah ditawarkan oleh Kerajaan untuk membina satu pusat pelancongan di Pulau Langkawi. Berkaitan dengan projek ini syarikat itu telah membuat beberapa cadangan, satu daripadanya ialah supaya Pulau Langkawi dijadikan sebagai sebuah pelabuhan bebas untuk menarik pelancong-pelancong.

Buat masa ini Kerajaan masih mengkaji cadangan tersebut, dan keputusan terhadapnya masih belum dibuat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), persidangan ini akan ditangguhkan manakala sahaja segala Jawapan-jawapan dari Menteri-menteri di bawah Peraturan Urusan Mesyuarat telah selesai dijawab.

Saya memohon mencadangkan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada usul di hadapan kita:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), persidangan ini akan ditangguhkan manakala sahaja segala jawapan-jawapan dari Menteri-menteri di bawah Peraturan Urusan Mesyuarat telah selesai dijawab.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), persidangan ini akan ditangguhkan manakala sahaja segala jawapan-jawapan dari Menteri-menteri di bawah Peraturan Urusan Mesyuarat telah selesai dijawab.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1986

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang (7hb November, 1985).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1986

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut

dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$8,857,740,400 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1986, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah, 28 tahun 1985, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (7hb November, 1985)

Perbincangan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Kementerian Perusahaan Utama.

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1986 dan khususnya membincangkan isu-isu yang menyentuh bidangkuasa Kementerian Perusahaan Utama dan izinkan saya memberi ulasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai kejatuhan harga komoditi seperti bijih timah, getah dan kelapa sawit. Berhubung dengan kemelesetan industri balak sebagaimana yang telah

disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Lambir dan Ulu Rajang, ingin saya maklumkan bahawa keadaan ini wujud adalah akibat dari berkurangnya permintaan ke atas kayu balak dan keluaran-keluarannya daripada pengguna sama ada dari luar negeri mahupun dalam negeri kerana kemelesetan ekonomi yang sedang dialami sekarang ini. Walau bagaimanapun, saya yakin keadaan ini dan juga barangan utama yang lain tidak akan terus berkekalan dan akan pulih semula apabila keadaan ekonomi kembali sediakala.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya satu rombongan perdagangan peringkat tertinggi mengenai kayu-kayan diadakan di Jepun, ingin dimaklumkan Kementerian Perusahaan Utama akan mengambil perhatian mengenainya. Walau bagaimanapun, sukacita saya maklumkan bahawa satu rombongan perdagangan peringkat pegawai yang dianjurkan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia telah pun pergi ke Jepun pada awal tahun 1984 dalam rangka lawatan ke Amerika Syarikat bagi membincangkan masalah-masalah perdagangan yang dihadapi.

Adalah menjadi dasar Kementerian Perusahaan Utama di samping berusaha mengukuhkan pasaran-pasaran yang sedia ada, usaha-usaha juga dilakukan bagi mencari dan menembusi pasaran-pasaran baru. Langkah ini bertujuan supaya Malaysia dapat memperluaskan pasarannya dan tidak hanya tertumpu kepada pasaran-pasaran tertentu. Untuk tujuan ini, misi galakan pasaran bertujuan mencari pasaran-pasaran baru telah dianjurkan. Di antara pasaran-pasaran baru bagi kayu-kayan Malaysia yang telah diterokai ialah negara-negara Timur Tengah dan sekarang ini usaha sedang dibuat untuk menembusi pasaran di Republik Rakyat China.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah mencadangkan supaya meningkatkan "downstream industries", dengan izin, dalam industri getah (terutamanya tayar yang masih diimport) untuk meningkatkan nilai tokok (value added) getah dan seterusnya meningkatkan nilai eksport serta mencadangkan lebih insentif diberikan kepada penyelidikan dan kemajuan (R & D) getah dan kelapa sawit berbanding dengan negara-negara maju yang memperuntukkan jumlah wang yang besar untuk barangan sintetik.

Kerajaan memang mempunyai hasrat untuk meningkatkan lagi perindustrian berasaskan getah di negara ini dan untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar tayar yang utama di dunia. Dengan itu Kerajaan telah menetapkan matlamat penggunaan getah dalam negeri sebanyak 300,000 tan metrik pada tahun 2,000. Ke arah pencapaian matlamat ini, Kerajaan telah pun menggubal strategi-strategi dan program-program tertentu khusus bagi industri berasaskan getah yang mana adalah terdapat di dalam Pelan Induk Perindustrian.

Selain daripada itu beberapa insentif telah pun diberi sejak permulaan tahun 1985 ini lagi, umpamanya diskaun harga getah dan diskaun kadar taraf letrik kepada pengilang-pengilang tempatan yang membuat barangan-barangan utama getah untuk pasaran eksport supaya mereka dapat bertanding dengan lebih berkesan lagi di pasaran dunia.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya lebih insentif diberikan kepada R & D getah, sukacita dimaklumkan bahawa selain daripada peruntukan di bawah Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia, Kerajaan juga sedang mempertimbangkan pembiayaan

tambahan bagi penyelidikan dan kemajuan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lipis supaya usaha R & D dalam aspek penggunaan dibuat di negara sendiri, ingin dimaklumkan bahawa sememangnya Kerajaan hendak meningkatkan usaha-usaha R & D tersebut di dalam negara ini seperti usaha-usaha penyelidikan penggunaan yang dijalankan oleh PORIM, PRIM dan FRI.

Walau bagaimanapun, bagi usaha penyelidikan dalam penggunaan timah yang dijalankan oleh ITRI ianya dibuat di luar negeri memandangkan pusat tersebut dibiayai bersama oleh negara-negara pengeluar utama timah yang lain yang menjadi ahli ITC di samping di mana terdapat sebahagian besar pengguna barangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh komoditi minyak kelapa sawit yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Perusahaan Utama telah memberi tekanan yang tinggi terhadap peningkatan nilai tokok minyak kelapa sawit. Usaha ke arah tersebut dilaksanakan melalui program-program penyelidikan yang dikendalikan oleh PORIM baik dalam aspek pemakanan mahupun bukan pemakanan.

Antara keluaran-keluaran kelapa sawit yang dihasilkan sejajar dengan konsep nilai tokok tersebut ialah margerin, vanaspati, gantian koko-butter, sabun, bahan mentah industri eleokimia, Vitamin E dan gantian diesel. Penghasilan bahan-bahan seperti ini secara langsung telah turut memperluaskan "versatility" kegunaan minyak kelapa sawit berbanding dengan lain-lain jenis

minyak sayuran. Dengan kejayaan itu, kajian lanjutan bagi keluaran-keluaran yang lain, khasnya yang mempunyai ciri-ciri nilai kesihatan sedang dipergiatkan.

Bagi mengukuhkan pasaran-pasaran besar seperti India daripada diambil alih oleh negara pesaing, Kerajaan kita sentiasa mengkaji strategi-strategi perdagangan yang kemaskini dan mencorak positif. Ini termasuklah mempertimbangkan galakan pemasaran yang lebih agresif dan mencari jalan memperbaikiimbangan dagangan di antara dua negara.

Bagi minyak kelapa sawit, kita sentiasa berusaha meningkatkan mutu bahan tersebut di samping mengekalkan perkhidmatan teknikal berhubung dengan pengendalian dan pengguna minyak sawit Malaysia, demi memupuk kerjasama erat di antara Malaysia dan negara-negara pengguna.

Bagi menjamin negara kita berupaya mencapai tahap pengeluaran yang tinggi, Kementerian Perusahaan utama juga sentiasa memberi perhatian yang rapi terhadap usaha meninggikan kecekapan sektor pengeluaran kelapa sawit. Pendekatan yang berkesan bagi mencapai matlamat tersebut ialah penyerapan kejenteraan ladang bagi mengatasi kekurangan buruh di sektor perladangan.

PORIM sedang mengkaji, mengubahsuai dan menguji beberapa jenis jentera penuai termasuk jentera-jentera ringan bagi mengangkut tandan-tandan kelapa sawit. Kajian awal telah menunjukkan jentera ringan yang mempunyai muatan maksima satu tan amat sesuai digunakan dikebanyakkan ladang kelapa sawit tempatan.

Mengenai pembelian minyak kelapa sawit oleh Iran dari negara ketiga dengan harga yang lebih murah, suka

saya menjelaskan bahawa perkara tersebut adalah tidak benar. Keadaan semasa yang ujud di rantau itu menyebabkan risiko dan kos insuran barangan yang tinggi.

Pengeksport-pengeksport terpaksa menanggung kos-kos tambahan memperoses kali kedua, "packing" pengangkutan dan sebagainya. Oleh itu adalah sukar pengeksport-pengeksport berkenaan berupaya menawarkan Iran dengan harga yang lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak begitu tepat seperti yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai iaitu pasaran Timur Tengah mendapat keseluruhan bekalan minyak kelapa sawit daripada negara EEC dan tidak dari Malaysia secara terus menerus. Dari perangkaan yang sedia ada, pasaran Timur Tengah ada mengimport keperluan mereka terus dari Malaysia. Ini berikutan promosi pesat yang telah diambil oleh Malaysia untuk memperkenalkan dan mengeksploitasi potensi pasaran yang ada di Timur Tengah. Dengan Khidmat Nasihat Teknikal PORIM yang sentiasa dijalankan di pasaran tersebut, saya percaya potensi pasaran ini akan dapat lagi ditembusi dengan jayanya. Bagi tahun ini (Januari-Jun) sahaja, eksport secara terus dari Malaysia ke pasaran Timur Tengah berjumlah 131,397 tan metrik.

Dalam dunia perniagaan, persefahaman dan pengalaman persahabatan yang lama memainkan peranan yang penting. Memang tidak dapat dinafikan bahawa ada minyak kelapa sawit kita yang dieksport ke Timur Tengah melalui negara-negara EEC. Ini mungkin disebabkan oleh keadaan-keadaan tertentu di mana ada perhubungan khas antara negara-negara EEC dengan Timur Tengah. Pihak kita akan mencuba sedaya

upaya untuk mengujudkan suatu rupa bentuk persefahaman antara Malaysia dengan negara-negara Timur Tengah agar pasaran Kelapa sawit di Timur Tengah dapat dieksport secara langsung ke negara-negara Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kos penyelidikan ke atas getah dan kelapa sawit dikurangkan seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerantut, harganya akan lebih jatuh lagi. Dengan penyelidikan kita dapat menghasilkan mutu yang lebih tinggi, kos pengeluaran dapat dikurangkan serta meneroka kegunaan getah dan kelapa sawit agar barangan utama ini dapat digunakan untuk mengujudkan kegunaan barang-barang baru seberapa banyak yang boleh. Ini termasuklah hasil utama barangan tersebut, kajian terhadap daun, batang dan juga pelepah kelapa sawit. Dari hasil penyelidikan inilah dapat mengekalkan permintaan dunia terhadap barangan utama tersebut dan seterusnya mengekalkan harga yang berpatutan.

Berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapit, bahawa pengeluaran papan lapis, kayu balak dan minyak kelapa sawit yang berlebihan oleh negara-negara pengeluar lain dan cadangan supaya Kementerian membincangkan perkara-perkara ini secara terus menerus dengan negara-negara berkenaan ataupun di forum serantau seperti ASEAN, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Perusahaan Utama meneruskan pendekatan perundingan dan perbincangan mahupun di peringkat pegawai ataupun para Menteri secara dua hala dan serantau melalui ASEAN untuk mengatasi isu-isu dan masalah-masalah barangan utama yang spesifik telah pun diadakan dari masa ke semasa.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dengan cara tidak mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Sekiranya ada terdapat perkara-perkara yang dibangkitkan dan saya tidak dapat menjelaskannya, Kementerian Perusahaan Utama akan mengambil ingatan dan perhatian atas perkara-perkara berkenaan serta mengambil tindakan yang sewajarnya di mana perlu bagi menyelesaikannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

3.48 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang ada kaitan dengan urusan-urusan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos semasa perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1986. Seruan-seruan Ahli-ahli Yang Berhormat itu memang akan diambil perhatian. Saya cuma suka mengambil kesempatan untuk memberi keterangan bersabit dengan dua perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama ialah berkaitan dengan rancangan untuk membina projek hidro di Bakun, Ulu Sungai Rejang, Sarawak. Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang berasal dari negeri Sarawak telah berkesempatan untuk menyuarakan sokongan masing-masing bagi tujuan pelaksanaan projek Bakun ini.

Seperti memang yang kita sangkakan juga, Ahli Yang Berhormat

dari pihak Pembangkang sudah tentu juga menyuarakan bantahan mereka. Ini tidak memeranjatkan oleh kerana memang kita sudah ketahui mereka sentiasa membantah sahaja apa-apa cadangan yang dikemukakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya seperti juga yang telah terkandung dalam ucapan-ucapan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang menyokong projek ini, kajian teliti telah dilaksanakan.

Kajian "feasibility study" sudah siap dan sudah dikemukakan kepada pihak Kerajaan. Kajian bersabit dengan "Power Sector Investment Study", dengan izin, bagi seluruh negara juga sudah siap dan dikemukakan kepada Kerajaan. Kajian ini bertujuan untuk menentukan pilihan-pilihan yang memberi munafaat yang lebih baik, dari segi program penjanaan elektrik dalam masa akan datang.

Seperti yang saya telah katakan dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali, Kerajaan belum membuat apa-apa keputusan terhadap projek Bakun. Kerajaan berpendapat adalah penting sebelum keputusan bersabit dengan satu-satu projek dibuat ianya diteliti dengan berhati-hati untuk menentukan implikasi-implikasi seperti kedudukan penduduk-penduduk tempatan dan juga kedudukan kewangan projek tersebut terhadap ekonomi negara pada keseluruhannya. Apa yang jelas hasil dari kajian-kajian yang telah dilakukan, projek hidro Bakun ialah satu projek pembangunan janakuasa yang mempunyai banyak meritnya. Jika ianya dilaksanakan, beberapa keuntungan dari segi pembangunan projek janakuasa akan didapati. Ini termasuklah perkara-perkara seperti berikut:

- (1) Mengikut kajian projek tersebut sekiranya dilaksanakan

akan menghasilkan punca bekalan elektrik yang paling murah memandangkan purata kos ekonomi bekalan kuasa elektrik mengikut kajian ini dalam lingkungan 3.3 sen sekilowatt manakala kos bekalan kuasa yang dapat dijana dari alternatif-alternatif yang lain seperti arang batu dan gas ialah sebanyak 5.8 sen sekilowatt pada paras purata.

- (2) Ianya juga akan menjimatkan pertukaran asing negara kerana jika ianya tidak dilaksanakan permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia dan terutama sekali di negeri Sabah di masa-masa akan datang terpaksa dipenuhi kebanyakannya melalui penjanaan dari arang batu dan mungkin minya. Ini sudah tentu bermakna kita akan membeli bahan bakar itu dari luar negeri.
- (3) Kadar pulangan ekonomi atau economic rate of return, dengan izin, bagi projek Bakun mengikut Power Sector Investment Study ialah 12% dan kadar pulangan kewangan atau financial rate of return, dengan izin, sehingga tahun 2010 ialah sebanyak 13%. Angka-angka ini menunjukkan bahawa dari segi economic feasibility pembangunan projek Bakun menarik jika dibandingkan dengan projek-projek komersial lain oleh pihak swasta.
- (4) Jika projek Bakun tidak dibangunkan maka negara perlu membangunkan projek janakuasa lain yang juga akan memakan modal pelaburan yang tidak jauh bezanya. Selain dari itu harus juga diingatkan bahawa projek-projek janakuasa yang lain memerlukan pembelian bahan

bakar yang berterusan. Ini bermakna kos-kos janakuasa termasuk kos membeli bahan bakar yang lain akan jauh lebih tinggi.

- (5) Jika projek ini dibangunkan, kedudukan penduduk-penduduk tempatan memanglah akan diperhatikan dan mereka akan ditempatkan semula dengan peraturan-peraturan yang munasabah bagi menjamin mereka akan juga menikmati keuntungan dari pembangunan projek itu.

Pada kesimpulannya, jelas bahawa dari segi economic viability, pembangunan kuasa hidro Bakun akan membawa kesan yang baik dalam rancangan pembangunan kuasa elektrik di seluruh negara. Selain dari itu pembangunan kuasa elektrik Bakun juga akan membawa kepada pembangunan-pembangunan lain di kawasan pedalaman Sarawak, termasuk membawa penduduk tempatan dalam menikmati kemajuan yang tertentu. Ia juga akan dapat menggalakkan pertumbuhan industri di negeri itu di mana ini penting dalam masa-masa akan datang untuk menentukan asas ekonomi negeri Sarawak boleh diperluaskan dari apa yang terdapat sekarang.

Apa yang menjadi soalan, Tuan Yang di-Pertua, ialah oleh kerana negara kita dalam keadaan kemelesetan ekonomi dan kekurangan hasil pendapatan akibat dari recession ialah kita perlu menentukan dengan tepatnya akan kemampuan kita melaksanakan projek ini dari segi kedudukan kewangan negara. Inilah soalan yang masih dalam perhatian dan keputusan bersabit dengan kedudukan projek hidro Bakun cuma akan dapat dibuat selepas perkara-perkara ini dipastikan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, soalan pengambilalihan.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun hendak minta jalan.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri juga. Jikalau projek Bakun begitu baik seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini kenapa satu feasibility study yang disiapkan pada tahun lepas yang disediakan dengan perbelanjaan kewangan rakyat tidak diumumkan, tidak dikemukakan kepada orang ramai supaya mereka boleh diyakinkan juga feasibility Bakun Project ini, kenapa laporan feasibility study tidak dikemukakan kepada orang ramai?

Yang kedua, walaupun Yang Berhormat Menteri telah memberi contoh-contoh bagaimanakah kepentingan dan faedah boleh diberi kepada penduduk-penduduk tempatan di Bakun, tetapi masih adanya keraguan dan ketidaktentuan di antara rakyat Bakun bahawa jikalau mereka ditempatkan semula kesan-kesan buruk akan dibawa datangkan dan jikalau keadaan ini telah disedari oleh Yang Berhormat Menteri, mengapakah Yang Berhormat Menteri dan Kementerian berkenaan tidak menjalankan satu kajian sosio-ekonomi terhadap peneroka-peneroka yang terlibat di dalam projek Batang Ai supaya apa-apa kesusahan dan kesulitan yang dikenakan di Batang Ai tidak diulang sekali lagi di Bakun? Itu dua point sahaja.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan belum membuat keputusan bersabit

dengan projek ini kita tidak bercadang untuk mengemukakan laporan sebelum itu.

Soalan yang kedua ialah setahu saya penduduk-penduduk tempatan di Belaga dan Bakun memang mengalukan projek ini. Kekeliruan itu kalaulah timbul mungkin kesan dari pandangan-pandangan yang mungkin dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang. Kalaulah mereka hendak mewujudkan projek ini kita berharap mereka juga menyokong kita untuk menerangkan perkara yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya meneruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, soalan pengambilan Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak atau SESCO oleh Kerajaan Persekutuan telah juga dibangkitkan. Yang sebenarnya Kerajaan Persekutuan bukanlah mengambilalih Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak atau SESCO dari Kerajaan Negeri. Tindakan yang sedang diambil sekarang ialah untuk memindahkan Perbekalan itu dari Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan selaras dengan peruntukan Perlembagaan di mana tanggungjawab bersabit dengan penjanaan kuasa elektrik ialah di bawah bidang tugas Kerajaan Persekutuan. Tarikh pemindahan ini belum ditetapkan oleh kerana masa sekarang pihak Kerajaan Negeri Sarawak dan juga pihak Kerajaan Persekutuan masih lagi sedang menguruskan pemindahan ini dan tarikhnya akan hanya ditetapkan sesudah semua perkara yang berbangkit dari urusan pemindahan ini termasuk soalan pembayaran pampasan diselesaikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat

Kerajaan Persekutuan supaya urusan perancangan mengenai bekalan elektrik di seluruh negara dapat diselaraskan dengan lebih sempurna bagi memastikan bekalan elektrik akan mencukupi demi untuk menampung pembangunan ekonomi negara dan juga kedudukan pembangunan kuasa elektrik, lebih-lebih lagi untuk menentukan perbekalan elektrik ke luar-luar bandar di seluruh negara dapat diselaraskan juga.

Seperti Ahli Yang Berhormat juga maklum pelaburan dalam bidang perbekalan elektrik melibatkan Kerajaan Negeri Sarawak oleh kerana selepas pemindahan ini dikuatkuasakan, peruntukan itu juga sudah tentu akan menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Ini bermakna rakyat negeri Sarawak bukan sahaja mendapat jaminan bahawa bekalan elektrik akan diperhatikan seperti juga di negeri-negeri lain di negara ini, tetapi juga perbelanjaan Kerajaan Negeri yang tidak perlu dikeluarkan akibat dari pemindahan ini boleh digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek pembangunan yang lain. Seperti yang kita semua maklum, pembangunan negeri Sarawak memang memerlukan peruntukan yang besar, lebih-lebih lagi oleh kerana kawasan-kawasan di luar bandar di negeri itu memang masih lagi ketinggalan dan memerlukan peruntukan yang pada masa sekarang pun belum dapat diberi dengan secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya

mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh dan Kinta kerana telah menyentuh masalah-masalah mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga mengenai para belia serta mengemukakan beberapa cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh juga menyentuh tentang kelemahan persatuan-persatuan belia dan kursus-kursus kepimpinan yang dikendalikan oleh Kementerian Belia dan Sukan Beliau juga telah mencadangkan supaya ditubuhkan beberapa Pusat Latihan Belia. Teguran dan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh ini membuktikan bahawa beliau faham akan masalah para belia kita dan juga masalah yang dihadapi oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sukalah saya menyatakan penghargaan Kementerian di atas syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Kementerian saya sangat menyedari hakikat bahawa para belia perlu diasuh dan dididik untuk melatih mereka sebagai pemimpin di masa hadapan. Dalam hubungan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa berusaha ke arah mencapai matlamat membentuk belia-belia yang berperasaan dan bersemangat nasionalisma, bersatu-padu, berilmu dan bertanggungjawab supaya mereka dapat turut memainkan peranan bagi membangun negara dan berupaya menghadapi segala cabaran. Ini dilakukan, misalnya melalui program-program latihan kepimpinan, latihan kemahiran, program-program yang bercorak keagamaan dan berbagai-bagai projek lain yang sesuai dijalankan di seluruh negara untuk mencapai matlamat di atas.

Kementerian ini dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia sedang berusaha untuk menjalankan kempen bagi

membanyakan lagi persatuan-persatuan beliau di kawasan-kawasan yang belum ada persatuan. Bagi persatuan yang telah wujud, Kementerian juga berusaha untuk menambahkan lagi keahlian persatuan-persatuan tersebut.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini juga sedang meneliti masalah yang dihadapi oleh persatuan-persatuan belia dengan tujuan untuk memberi nafas baru kepada persatuan-persatuan belia tersebut khususnya persatuan-persatuan yang lemah. Dalam menghadapi masalah ini, Kementerian menganjurkan kursus-kursus untuk melatih pemimpin-pemimpin persatuan belia supaya mereka dapat memimpin persatuannya dengan lebih cekap dan efektif.

Mengenai corak dan pelaksanaan kursus-kursus anjuran Kementerian, termasuk kursus-kursus kepimpinan yang dikendalikan oleh Kementerian ini, format dan kurikulum kursus-kursus tersebut di semua peringkat adalah dikaji dari masa ke semasa untuk disesuaikan dengan keperluan dan keadaan.

Kursus-kursus itu telah diubah dari segi isi kandungan dan juga pendekatan penyampaiannya. Dari segi isi kandungan, Kementerian ini telah menekankan penerapan nilai-nilai keagamaan, moral serta semangat patriotisma. Kementerian juga menyerapkan ilmu perdagangan dan pengurusan dan kemahiran untuk membolehkan para belia berdikari dalam bidang perniagaan serta memperdagangkan kemahiran yang diperolehi. Dari segi pendekatan pelaksanaan kursus-kursus, kita juga telah memberi tekanan kepada latihan di luar institusi umpamanya latihan sambil bekerja dan latihan kemahiran tempatan.

Pegawai-pegawai Kemahiran di semua peringkat diberi peluang mengikuti kursus di institusi-institusi tempatan atau luar negeri dari masa ke semasa untuk menambah dan meningkatkan lagi pengetahuan dan prestasi mereka supaya membolehkan mereka menjalankan tugas dengan lebih efektif. Di samping itu, mereka juga diberi pendedahan untuk memperluaskan pengalaman mereka melalui berbagai-bagai aktiviti seperti seminar, bengkel, lawatan sambil belajar dan rancangan pertukaran di dalam dan di luar negeri. Pegawai-pegawai dari Ibu Pejabat memang ada dihantar dari masa ke semasa ke peringkat negeri dan daerah untuk membantu dalam pelaksanaan projek-projek di peringkat tersebut tertakluk kepada kemampuan tenaga dan kewangan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga melibatkan pakar-pakar dari institusi-institusi pengajian tinggi, jabatan-jabatan Kerajaan yang tertentu serta juga pakar-pakar dari badan-badan antarabangsa untuk mengendalikan kursus-kursus anjuran Kementerian. Untuk membolehkan Kementerian memainkan peranan yang lebih berkesan lagi, Kementerian ini mempunyai cadangan untuk menyusun semula organisasi serta menambah bilangan pegawai-pegawai terutamanya di Pejabat-pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan di peringkat Negeri dan Daerah. Oleh kerana kemelesetan ekonomi, buat masa ini cadangan tersebut belum dapat ditimbang oleh pihak agensi pusat Kerajaan.

Saya berasa gembira dengan cadangan Yang Berhormat mengenai perlunya bagi Kementerian menubuhkan pusat-pusat latihan belia yang baru. Sebenarnya Kementerian ini bercadang dan mengesyorkan untuk menubuhkan 8 buah lagi Pusat Latihan Belia dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Mengenai program Belia Berniaga, pihak Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERU) telah membuat kajian penilaian di atas rancangan ini dalam tahun 1981. Kajian itu menunjukkan bahawa lebih daripada 60% projek Belia Berniaga telah berjaya. Dalam satu kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian pada awal tahun ini, didapati bahawa tahap kejayaan projek Belia Berniaga telah meningkat kepada 80%. Kedua-dua angka peratus tersebut adalah menunjukkan semata-mata kejayaan dari segi projek yang masih diusahakan. Dari segi penerapan semangat nilai berniaga, kejayaan dari sudut tersebut patut dibanggakan kerana kita dapat mengubah sikap para belia. Pencapaian ini adalah dianggap sebagai satu pencapaian yang menggalakkan kerana ini adalah salah satu objektif utama Program Belia Berniaga. Sebagaimana Yang Berhormat telah maklum, sasaran program ini adalah untuk meninggikan taraf hidup belia-belia daif yang tercicir dan serba kekurangan. Memandangkan kepada kejayaan yang menggalakkan, Kementerian ini telah mencadangkan supaya peruntukan untuk program Belia Berniaga di bawah Rancangan Malaysia Kelima ditambahkan.

Berkenaan dengan Program Belia Peladang pula, pihak Kementerian sedang bekerjasama dengan Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERU) untuk menjalankan satu kajian penilaian di atas program tersebut dan laporan mengenai perkara ini sedang disediakan.

Berkenaan dengan sukan untuk masyarakat yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini, saya amat gembira dan berterima kasih bahawa Yang Berhormat dari Tenggaroh menyokong konsep ini kerana sokongan seperti ini akan mendorong Kementerian dalam meningkatkan

lagi pelaksanaan program Malaysia Cergas. Program ini adalah bertujuan untuk melibatkan lebih ramai penduduk-penduduk di negara ini dalam kegiatan fizikal dan riadah demi untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kecergasan mereka.

Selain daripada objektif tersebut, Kementerian ini melalui program Malaysia Cergas berharap untuk mencapai objektif lain seperti integrasi masyarakat, sikap dan semangat kesukanan dan keamatan kekeluargaan.

Berkenaan dengan mutu sukan di negara ini, secara umumnya, pencapaian ahli-ahli sukan negara telah menurun jika dibandingkan dengan pencapaian yang telah dibuat pada tahun-tahun 60an dan awal tahun 70an. Walau bagaimanapun, kemerosotan tersebut bukanlah kerana athlit-athlit negara tidak maju tetapi athlit dari negara-negara lain terutamanya daripada sekitar negara-negara ASEAN telah mencapai kemajuan dengan tahap yang lebih berganda. Memandangkan kepada keadaan itu, amatlah perlu bagi kita berusaha lebih giat lagi untuk meningkatkan prestasi mutu sukan di negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kinta menyentuh tentang Dasar Belia Negara. Kertas mengenai Dasar Belia Negara sebenarnya berpunca dari Majlis Belia Malaysia (MBM), iaitu satu badan yang bertanggungjawab mengkordinasikan pertubuhan belia di negara ini. Kertas ini telah pun dibentang dan dibincangkan di Persidangan Majlis Perundangan Belia Negara. Ahli-ahli Majlis ini terdiri daripada Ahli-ahli Exco MBM atau Majlis Belia Malaysia, wakil-wakil Pertubuhan Belia Kebangsaan yang bergabung dengan Majlis Belia Malaysia, wakil-wakil Majlis Belia Negeri dan juga wakil-wakil agensi Kerajaan dan orang-orang

perseorangan. Majlis ini telah menerima pada dasarnya kertas tersebut serta mengesyorkan bahawa kertas itu dikaji dengan teliti oleh satu jawatankuasa yang terdiri dari wakil MBM, pemimpin-pemimpin belia, ahli-ahli akademik serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dengan ini jelaslah bahawa Dasar Belia Negara ini telah mengambil kira pandangan daripada pertubuhan-pertubuhan belia.

Kertas yang telah disemak oleh Jawatankuasa ini kemudiannya telah disampaikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian ini telah menyediakan satu Kertas Jemaah Menteri untuk dikemukakan kepada Jemaah Menteri tidak lama lagi dan tentang butir-butir terperinci mengenai kandungan Dasar Belia Negara ini akan diumumkan selepas sahaja ianya dapat keputusan dari pihak Jemaah Menteri kelak.

Ini sahajalah pandangan-pandangan dan jawapan saya mengenai beberapa teguran dan syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam.

4.10 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Perusahaan Awam. Perkara-perkara tersebut akan diteliti, dan sekiranya perlu, tindakan-tindakan sewajarnya dilaksanakan oleh agensi-agensinya yang berkaitan di bawah Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok telah menyentuh tentang

peluang kerja-kerja kontrak yang telah diberi kepada bumiputera oleh UD. Beliau telah mendakwa bahawa peluang-peluang yang telah diberikan itu adalah sedikit. Suka saya menyatakan bahawa dalam tempoh 1972-1985 dari sejumlah 95 kerja kontrak yang ditawarkan oleh UDA, sebanyak 50 iaitu 52.6% kerja kontrak telah diberikan kepada bumiputera yang bernilai \$34 juta atau 64.9% daripada keseluruhan nilai kerja bagi tempoh tersebut.

Bagi tempoh 1976-1980 dari sejumlah 234 kerja kontrak yang ditawarkan oleh UDA, sebanyak 108 kerja atau 46.1% bernilai \$57.1 juta telah ditawarkan kepada bumiputera yang merupakan 27.4% daripada nilai keseluruhan kerja kontrak yang ditawarkan.

Bagi tempoh 1981-1985 bumiputera telah diberikan sejumlah 158 ataupun 57% daripada kerja kontrak dari sejumlah 227 kerja yang ditawarkan. Jumlah kerja yang telah diberi kepada Bumiputera itu adalah bernilai \$181.52 juta iaitu 73.3% daripada nilai keseluruhannya. Dengan itu bagi tempoh antara 1972-1985 bumiputera telah diberikan sejumlah 316 iaitu 52.1% kerja kontrak dari sejumlah 606 kerja yang ditawarkan oleh UDA. Keseluruhan kerja yang ditawarkan kepada bumiputera adalah bernilai \$272.61 juta ataupun 53.6% dari jumlah keseluruhan nilai kerja kontrak yang ditawarkan oleh UDA.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan-perangkaan ii telah membuktikan bahawa peluang-peluang telah dibuka dengan luasnya kepada usahawan-usahawan, khususnya kontraktor-kontraktor bumiputera. Adalah diharapkan mereka akan dapat mempertingkatkan keupayaan dan kemahiran mereka supaya mereka akan dapat bertanding dalam mendapatkan kerja-kerja kontrak dari

lain-lain sektor ekonomi dan tidak semata-mata bergantung kepada sektor bagi masa-masa akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu telah membangkitkan mengenai prestasi penjualan rumah-rumah oleh PKEN. Dalam hal ini, saya telah memaklumkan di Dewan ini mengenai jumlah unit-unit rumah yang masih belum dijual sehingga bulan Julai 1985. Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh PKEN-PKEN yang berkenaan dari segi pemasaran serta kuota penjualan telah dapat mengurangkan jumlah unit rumah-rumah yang tidak dapat dijual itu. Sehingga 30hb September, 1985 sebanyak 8,397 unit rumah-rumah yang tidak dapat dijual berbanding dengan 13,000 unit pada bulan Julai tahun ini. Seperti Yang Berhormat berkenaan sedia maklum bahawa keadaan kemelesetan dan kadar tinggi pinjaman untuk membeli rumah-rumah yang dibina oleh PKEN-PKEN itu. . . .

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: dia minta jalan.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan mengapa sebegitu banyak unit yang tidak dapat dijual memandangkan begitu banyak penduduk Malaysia memerlukan rumah.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini telah diberi agak panjang lebar dalam Dewan ini tetapi tidak apalah saya secara ringkas menyatakan ada di antara projek-projek ini susah mendapat orang yang membeli kerana projek ini bukan semuanya kos rendah, ianya kos sederhana dan ada juga kos tinggi.

Yang keduanya, keadaan kemelesetan ekonomi telah mengurangkan keupayaan pembeli-pembeli rumah bahkan perkara ini bukan sahaja berlaku kepada rumah PKEN tetapi juga rumah-rumah yang didirikan oleh swasta. Dan ketiga, tidak dapat dinafikan ada juga sebahagian daripada rumah-rumah ini yang telah dibina di dalam atau lokasi yang sesuai. Oleh kerana itu tidak mendapat pasaran. Ini telah dijelaskan dahulu mungkin Ahli Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan agaknya.

Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka telah membangkitkan mengenai projek-projek DAYABUMI yang dibangunkan oleh UDA dan juga projek KOMTAR yang dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang mana beliau telah menganggapnya sebagai projek "Gajah Putih" sekiranya projek berkenaan tidak diduduki oleh agensi-agensi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua ruang pejabat bukan sahaja disebabkan oleh bertambahnya jabatan-jabatan Kerajaan mendirikan bangunan-bangunan pejabat dan pusat membeli-belah tetapi juga oleh sebab adanya swasta yang membangunkan begitu banyak kompleks-kompleks pejabat dan pusat membeli-belah serentak.

Bagi projek-projek KOMTAR yang dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sukalah saya memaklumkan bahawa projek yang berkenaan secara keseluruhannya masih lagi dalam pembinaan. Setakat ini projek Fasa 1A, 1B, 1C, lower Zone dan Mid-Zone, dengan izin, yang meliputi ruang niaga dan pejabat telah pun disiapkan. Sambutan daripada peniaga-peniaga adalah menggalakkan di mana setakat ini seramai 172 orang peniaga telah pun menduduki luas ruang sebanyak

193,205 kaki persegi. Sementara itu ruang pejabat di bangunan KOMTAR telah diduduki oleh agensi-agensi dan pejabat-pejabat Kerajaan.

Mengenai DAYABUMI pula, ruang-ruang pejabat di Blok Menara telah pun habis disewa manakala Blok Podium pula hanya tinggal beberapa ruang niaga yang masih kosong. Tidakkah benar untuk mengatakan bahawa projek ini sukar mendapat penyewa atau hanya terlalu bergantung kepada penyewaan oleh agensi-agensi Kerajaan kerana kadar-kadar sewa yang dikenakan di kompleks ini ialah \$53.80 semeter persegi sebulan bagi Bumiputra dan \$58.20 semeter persegi sebulan bagi bukan bumiputra adalah kadar-kadar sewa yang selaras dengan kadar-kadar semasa di tempat-tempat yang hampir sama keadaannya dengan DAYABUMI. Dan kita dapati bahawa kadar-kadar sewaan ini adalah merupakan kadar semasa yang dijangka akan dapat menarik pelanggan-pelanggan di dalam keadaan yang bertanding di Bandaraya ini. Pengurusan Projek DAYABUMI. . . .

Tan Lim Kit Siang: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak minta jalan.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan. Tidakkah benar bahawa sungguhpun Yang Berhormat Menteri kata bahawa tidak benar ruang DAYABUMI perlu disewa oleh jabatan-jabatan Kerajaan, kalau tidak, tidak ada penyewa. Tidakkah benar bahawa lebih daripada 80% kalau tidak silap atau lebih daripada 75% ruang-ruang di DAYABUMI disewa, kalau tidak oleh Jabatan Kerajaan tetapi oleh OBA seperti PETRONAS dan lain-lain

pertubuhan-pertubuhan yang ada bersangkutan dengan tugas-tugas Kerajaan.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya menyangkal bahawa projek ini "Gajah Putih" kalau tidak kerana agensi Kerajaan mendudukinya. Kebetulan oleh kerana kadar-kadar sewa yang ditawarkan kepada agensi Kerajaan dan juga agensi seperti PETRONAS adalah kalau boleh dianggap selaras dengan apa yang ada dikadar pasaran, mereka telah sanggup tanpa apa-apa arahan untuk menduduki ruang-ruang pejabat tersebut. Jadi saya percaya kalau tidak ada PETRONAS sekalipun banyak juga yang lain yang hendak masuk.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah benar bukan sahaja PETRONAS dipaksa untuk menyewa ruang-ruang di DAYABUMI untuk menyelamatkan atau untuk mencegah DAYABUMI menjadi satu "Gajah Putih" tetapi sekarang PETRONAS dipaksa untuk membeli DAYABUMI daripada UDA supaya melepaskan satu beban ekonomi yang begitu berat daripada UDA.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah di mana Yang Berhormat dapat maklumat-maklumat yang seleweng macam itu, tidak ada pernah sesiapa memaksa PETRONAS sama ada untuk menyewa atau membeli. PETRONAS menyewanya setelah mengirakan kadar-kadar sewaan yang ada. Mereka dulupun menyewa juga ruang lamanya daripada swasta dan sama ada PETRONAS mereka beli atau tidak terpulangnya harga yang mereka tawar-menawar dengan UDA. Tidak ada paksaan Yang Berhormat. Tidak usahlah buruk sangka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membangkitkan masalah yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang

Berhormat dari Kepong, ini semua DAP, yang telah membangkitkan mengenai penggunaan buruh-buruh asing oleh agensi-agensi Kerajaan termasuk PKEN-PKEN. Dalam hal ini sukalah saya menjelaskan bahawa kemasukan buruh-buruh asing itu adalah dilaksanakan melalui saluran-saluran tertentu yang telah diaturkan di antara Kerajaan dengan negeri-negeri yang berkaitan. Penggunaan buruh-buruh asing ini adalah semata-mata bagi menampung kekurangan buruh-buruh tempatan yang tidak menunjukkan minat untuk bekerja, terutamanya di sektor perladangan dan pembinaan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun pula.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Ini cuba kacau.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Tidak kacau, ini hendak penjelasan yang benar untuk menegakkan kebenaran dan keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menyatakan bilangan pekerja yang bukan di dalam kontrak dan adakah OBA-OBA dan badan-badan ini dengan sengajanya mengambil pekerja-pekerja yang bukan warganegara.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak habis jawab, kalau boleh Yang Berhormat tadi, habis saya menjawab baru dia tanya—baru senang, lain kali tidak boleh beri jalanlah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat PKEN Terengganu, saya ingin menjawab hanya bagi agensi di bawah Kementerian saya kerana tidak semua agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam. Saya hanya boleh menjawab bagi PKEN, misalnya

PKEN Terengganu melalui Kumpulan Ladang-ladang Terengganu Sdn. Bhd iaitu sebuah syarikat subsidiarinya telah menggunakan seramai 1288 orang buruh-buruh asing yang terdiri daripada negara-negara seperti Indonesia, Thailand dan Burma. Dan buruh-buruh asing ini terpaksa digunakan oleh ladang tersebut kerana terdapat buruh-buruh tempatan yang tidak sanggup dan menaruh minat bekerja di ladang-ladang dan projek pembinaan yang dijalankan oleh PKEN atau anak syarikat PKEN ini.

Kemudian Yang Berhormat dari Pasir Putih telah meminta Kerajaan mengkaji penubuhan anak-anak syarikat oleh agensi-agensi Kerajaan seperti PKEN supaya tidak bersaing dengan pengusaha-pengusaha bumiputera. Dalam hal ini sukalah saya menyatakan bahawa arahan telah pun dikeluarkan kepada semua PKEN supaya menjalankan peranan bagi mengamalkan apa yang dipanggil Konsep Payung iaitu memupuk dan melindungi dan tidak bersaing dengan pengusaha bumiputera. Penubuhan anak-anak syarikat adalah sentiasa dikaji supaya bidang-bidang yang diceburi tidak bersaing dengan syarikat bumiputera. PKEN-PKEN adalah bertindak bagi mempelopori di dalam bidang-bidang pelaburan dan perniagaan terutamanya dalam bidang-bidang yang bumiputera belum lagi mempunyai kepakaran, keupayaan pengurusan dan juga kewangan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang telah menyarankan supaya dibentuk Jawatankuasa bagi mengawasi projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh UDA dan PKEN. Adalah tidak perlu dibentuk Jawatankuasa seperti itu kerana kawalan-kawalan di peringkat dasar dan pengurusan telah dilaksanakan di Kementerian dan ianya didapati berkesan. Bagi projek UDA misalnya setiap keputusan

Lembaga Pengarah adalah dirujuk kepada Menteri dan ini adalah menjadi satu bentuk kawalan di peringkat dasar. Di peringkat pelaksanaan pula, mesyuarat dengan Ketua-ketua Agensi di bawah Kementerian diadakan setiap minggu di mana masalah-masalah pelaksanaan dapat dibincang dan diatasi. Bagi PKEN-PKEN pula, terdapat Jawatankuasa Tetap Penyelarasan yang bermesyuarat secara berkala di samping adanya kawalan melalui wakil-wakil Kementerian serta wakil Kementerian Kewangan di dalam setiap mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan itu. Di samping itu, Sistem Maklumat Pengurusan berasaskan komputer juga telah diadakan bagi mengesan dan menilai kemajuan pelaksanaan projek-projek pembangunan agensi-agensi di bawah Kementerian bagi sepanjang tahun. Dengan sistem yang telah dilaksanakan ini, maka tidaklah perlu diadakan satu Jawatankuasa yang berasingan untuk mengawasi projek-projek yang dilaksanakan oleh agensi-agensi.

Menyentuh mengenai urusan LPN, Yang Berhormat dari Parit Buntar telah menyarankan agar harga padi dinaikkan dari paras harga sekarang iaitu sebanyak \$49.61 100 kg kepada \$60-\$65 100 kg, di samping mengekalkan Skim Kupon Padi. Perlulah ditegaskan sebarang usaha menaikkan harga padi yang tidak diimbangi dengan kenaikan harga beras pada paras yang sama adalah bermakna menambah subsidi Kerajaan. Kenaikan harga padi akan melibatkan kenaikan harga beras dan ini sudah tentu akan membebankan para pengguna. Bahkan semenjak tahun 1980, Kerajaan telah berbelanja kira-kira \$180 juta setahun bagi membiayai subsidi harga padi. Kenaikan harga padi bukanlah cara yang tunggal bagi menambah pendapatan petani. Usaha-usaha

adalah perlu untuk mendapatkan petani-petani mengusahakan unit-unit sawah secara ekonomik supaya operasi mereka lebih cekap di mana kos dapat dikurangkan. Dengan itu pendapatan mereka akan bertambah. Usaha-usaha mewujudkan penanaman padi secara mini estate misalnya adalah satu-satu cara mencapai matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pendapat-pendapatnya kepada Kementerian dan juga memberi saranan-saranan yang ikhlas itu. Semua pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh Kementerian akan diambil perhatian dan akan mengkaji yang mana perlu tindakan-tindakan akan diambil sekiranya sesuai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

4.25 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan tugas dan bidangkuasa serta pelaksanaan projek-projek Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, termasuk juga Jabatan, agensi Kementerian seperti MARA, Jabatan Pembangunan dan lain-lainnya di dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini sejak beberapa hari yang lepas. Semua pandangan dan syor-syor yang telah disampaikan itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana di tahun-tahun yang lepas banyak

perkara-perkara yang sama telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mengenai projek infrastruktur di kawasan luar bandar. Semua perkara-perkara tersebut telah diambil perhatian dan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di tahun-tahun berkenaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, peruntukan yang diberikan kepada Kementerian ini untuk projek-projek infrastruktur telah selesai diagih-agihkan oleh Kementerian ini, ianya telah dibelanjakan oleh semua Kerajaan-kerajaan Negeri. Kalau masih terdapat peruntukan di negeri-negeri, maka Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah cuba mendapatkannya melalui Pejabat Pengarah Pembangunan Negeri di negeri-negeri berkenaan.

Menyentuh kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sungai Petani, Parit, Parit Buntar, Bagan Datok, Ulu Rajang, Julau, Kuala Kedah, Lubok Antu, Baling dan lain-lain Ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya sebutkan di sini mengenai infrastruktur iaitu kemudahan jalan-jalan kampung, jalan luar bandar, bekalan elektrik dan air, sama ada di seluruh Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak. Sukalah saya memaklumkan di sini bahawa Kerajaan memang memberikan keutamaan dan perhatian terhadap pembangunan kemudahan-kemudahan asas berkenaan di seluruh negara. Oleh sebab itulah beberapa juta ringgit pun wang diuntukkan kepada Kementerian semuanya habis dibelanjakan untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Kerajaan melaksanakan semua kemudahan-kemudahan asas itu di

semua kawasan luar bandar di seluruh negara ini secara serentak adalah di luar kemampuan kita. Ianya tertakluk kepada soal-soal kewangan dan pelaksanaan tugas-tugas tersebut oleh agensi-agensi Kerajaan seperti LLN, JKR dan lain-lain di peringkat negeri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bagi mengatasi masalah-masalah yang sering mengugat kelicinan pelaksanaan projek-projek di seluruh negara terutamanya bagi kampung-kampung yang jauh di pedalaman kita telah pun mengarahkan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk berusaha mengumpulkan kampung-kampung yang kecil dan terpencil itu di satu kawasan baru yang lebih besar, kampung-kampung di kawasan-kawasan tersebut dibangunkan secara ala cara baru Pembangunan Kampung dan Luar Bandar bagi mendapatkan satu sistem pembangunan yang teratur. Melalui sistem ini bukan sahaja kos untuk membawa infrastruktur menjadi lebih murah, tetapi juga perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti sekolah, klinik dan lain-lain kemudahan asas dapat dipusatkan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun setakat hari ini Kementerian ini juga memberi keutamaan kepada kampung-kampung yang sedemikian terpencil di pedalaman, Kementerian saya juga dengan kerjasama pihak LLN dan JKR telah juga membekalkan infrastruktur, misalnya bekalan air, kesihatan dan juga elektrik 12 jam. Untuk kemudahan asas ini mungkin rendah sedikit, tetapi ianya adalah langkah jangka pendek bagi mengatasi kos yang terlalu tinggi untuk kemudahan asas yang lebih sempurna seperti bekalan elektrik 24 jam.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar dan Bagan Datok yang mencadangkan

supaya program-program kemudahan asas ditugaskan kepada Kementerian saya, sukacita saya memaklumkan bahawa memang perancangan penyelarasan dan peruntukan program jalan luar bandar, jalan kampung, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar ditugaskan kepada Kementerian saya.

Seperti yang pernah dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak akan mengabaikan pembangunan kawasan luar bandar, ini dapat dibuktikan walaupun dalam keadaan kewangan yang tidak begitu menggalakkan, Kerajaan masih memperuntukkan wang yang agak besar untuk kemudahan asas di luar bandar. Di samping itu peruntukan kemudahan asas yang besar ini betul-betul digunakan di kawasan luar bandar.

Saya memberi jaminan di sini bahawa peruntukan di bawah Kementerian khususnya untuk kemudahan asas akan digunakan untuk faedah kawasan luar bandar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kekurangan rangkaian jalan-jalan luar bandar di negeri Sarawak seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lambir, masalah ini juga dihadapi di beberapa buah negeri yang lain di Malaysia ini. Bagaimanapun, Kementerian saya telah pun menerima cadangan rangkaian jalan luar bandar yang agak menyeluruh bagi negeri Sarawak dan juga negeri-negeri lain untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima nanti. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, walaupun keadaan kewangan negara yang tidak menggalakkan, cadangan Belanjawan tahun 1986 telah memperuntukkan jumlah wang yang besar untuk membiayai pelaksanaan projek-projek kemudahan asas di seluruh negara. Bagi negeri Sarawak

sahaja sebanyak 10 batang jalan luar bandar yang baru sepanjang lebih kurang 40.5 km akan dilaksanakan dalam tahun 1986 ini, tidak termasuk jalan-jalan yang sedang dilaksanakan dan projek-projek bersambung tahun hadapan.

Mengenai bekalan elektrik luar bandar di Sarawak pula, inginlah saya menjelaskan di sini bahawa seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan memang memberi perhatian yang utama mengenai perkara ini, bukan sahaja Sarawak tetapi negeri-negeri lain yang meliputi bekalan elektrik masih rendah. Misalnya Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak, iaitu agensi pelaksana di Sarawak perlu mengadakan perancangan yang teliti yang menentukan kawasan mana perlu dilaksanakan dahulu dan kawasan mana pula terkemudian. Bilangan projek yang dilaksanakan dalam satu-satu tahun itu pula bergantung kepada peruntukan yang disediakan. Mengenai kawasan Batu Niah dan kawasan persekitarannya, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan Sarawak telah pun merancang bekalan ke kawasan ini untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Betong mengenai MARA, iaitu kemasukan pelajar-pelajar MRSM dari Sarawak dan Sabah, inginlah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa semenjak penubuhan MRSM pada tahun 1972, pihak MARA sememangnya ada memperuntukkan quota tertentu bagi kemasukan pelajar-pelajar dari suku kaum bumiputera dari Sarawak termasuk Sabah. Bagi memenuhi quota berkenaan, kadangkala pihak MARA terpaksa mengambil pelajar-pelajar yang keputusan peperiksaan memasuki MRSM mereka lebih

rendah dari kelulusan minima seperti yang ditetapkan. Pada tahun-tahun yang lepas pihak MARA memang memberi tawaran permohonan memasuki MRSM dan ianya diiklankan melalui akhbar-akhbar tempatan, termasuk akhbar-akhbar tempatan Sabah dan Sarawak. Misalnya melalui Sarawak Tribunal, dengan izin, pada 10hb Mei, 1985 yang lalu telah diiklankan mengenai pengambilan MRSM, ianya lengkap disiarkan di mana borang boleh didapatkan serta syarat-syarat permohonannya. Bagi memastikan pengiklanan ini dapat disebar dengan lebih meluas untuk masa-masa yang akan datang, pihak MARA akan berusaha menyebarkan maklumat ini melalui sekolah-sekolah, siaran televisyen serta radio tempatan dan Jabatan Penerangan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan Betong untuk anak syarikat MARA dihentikan penubuhannya bagi mengelakkan daripada rugi inginlah saya menjelaskan di sini bahawa pada masa ini MARA tidak berhasrat untuk menubuhkan anak-anak syarikat yang baru, tetapi akan terus memperbaiki kedudukan dan prestasi syarikat-syarikat yang sedia ada. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan, syarikat-syarikat MARA adalah ditadbir oleh syarikat induk, iaitu MARA Holding Sendirian Berhad. Pada keseluruhannya sebagai kumpulan syarikat ini tidak mengalami kerugian, bagaimanapun kepada syarikat-syarikat yang mengalami kerugian, penutupannya adalah sebagai langkah terakhir memandangkan kepada implikasi yang seperti berikut:

- (1) pembuangan kerja yang ramai yang akan menambah kerumitan lagi masalah sosial;

- (2) fungsi syarikat sebagai konsep payong untuk membimbing, membantu syarikat-syarikat bumiputera yang berkecimpung dalam industri yang sama;
- (3) sebahagian daripada syarikat-syarikat pengangkutan adalah berfungsi untuk memberi perkhidmatan sosial dan tidak mengutamakan matlamat mencari keuntungan.

Terdapat juga beberapa syarikat MARA yang dahulunya untung, tetapi mengalami kerugian akibat daripada keadaan kemelesetan ekonomi dunia. Ini merupakan perkara biasa dan tidak sepatutnya syarikat-syarikat seperti ini terus ditutup.

Menyentuh soal overlapping tugas, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan, sebenarnya kesemua anak-anak syarikat MARA yang ditubuhkan adalah berfungsi mengikut bidang-bidang tertentu dan tidak ada overlapping, dengan izin. MARA tidak mempunyai institusi kewangan kecuali Bahagian Pinjaman yang bertanggungjawab memberi kemudahan kredit kepada usahawan-usahawan bumiputera berasaskan kepada viabiliti projek dan keupayaan membuat bayaran balik. Di samping itu, usaha-usaha terus dibuat untuk memperkemarkan lagi pentadbiran pejabat dan memastikan yang peranannya benar-benar dapat memperbaiki kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Lumut yang merayu agar Kementerian saya dapat menasihatkan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pembangunan Koperasi atas masalah mengecualikan projek-projek perumahan oleh koperasi daripada sekatan, seperti pembeli-pembeli rumah koperasi mestilah dipilih dari Ahli

Jawatankuasa Tanah dan Daerah dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Dalam perkara ini inginlah saya menjelaskan bahawa setiap Kerajaan Negeri mempunyai dasarnya sendiri berkaitan dengan pembinaan dan pembahagian rumah-rumah murah yang didirikan oleh pihak swasta dan badan-badan koperasi.

Bagi negeri Johor umpamanya, tiap-tiap pemaju perumahan dikehendaki mendirikan tidak kurang daripada 40% rumah murah dalam satu-satu projek. Kesemua rumah tersebut hendaklah diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk dibuat pembahagian yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri sendiri.

Bagi negeri Selangor, peratus rumah murah adalah di antara 20% hingga 30% dari jumlah unit yang didirikan dan Kerajaan Negeri menentukan pembahagiannya. Sementara bagi Wilayah Persekutuan dan Selangor, syarat khas dikenakan iaitu 60% dari rumah-rumah yang didirikan bagi semua jenis hendaklah dijual kepada bumiputera.

Di samping itu, koperasi-koperasi bumiputera di Johor, seperti Koperasi Guru-guru Melayu Johor dan Koperasi Perumahan Johor Berhad telah diberi pengecualian dalam pembinaan rumah-rumah murah oleh Kerajaan Negeri setelah mereka membuat rayuan kepada Kerajaan Negeri. Dalam keadaan biasa, pembahagian rumah-rumah bagi negeri Johor selepas diambil alih dari pemaju-pemaju adalah seperti berikut:

- (1) 20% bagi ahli-ahli tertentu;
- (2) 40% bagi orang ramai. 40% diperuntukkan balik kepada pemaju untuk diberi kepada ahli-ahli, jika sebuah koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar tersebut adalah untuk memastikan bumiputera memiliki rumah-rumah murah dan juga rumah-rumah jenis lain yang didirikan oleh pemaju. Dengan cara ini faktor taburan penduduk juga perlu diambil kira. Kerajaan Negeri adalah lazimnya memberi pengecualian kepada koperasi-koperasi bumiputera dan kadangkala juga kepada ahli-ahli koperasi, terpuang kepada keadaan di mana projek perumahan itu didirikan. Koperasi-koperasi perumahan bumiputera setakat ini belum mendapat sebarang bantahan terhadap dasar-dasar ini. Jabatan Pembangunan Koperasi, agensi di bawah Kementerian saya biasa menerima sungutan dari koperasi-koperasi serbaguna lain, namun demikian Jabatan Pembangunan Koperasi tidaklah mengambil apa-apa tindakan kerana dasar-dasar ini dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang dipercayai membuat matlamat tertentu. Kementerian ini memang sedar dan dasar-dasar tertentu yang dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri berkaitan dengan pembinaan rumah-rumah murah dan cara-cara pembahagiannya. Oleh kerana prinsip utama koperasi ialah menolong ahli-ahlinya, maka Kementerian ini akan berusaha membincang perkara ini dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pada saranan dan cadangan apa juga masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya sebutkan di sini, inginlah saya menjelaskan bahawa Kementerian ini akan mengambil perhatian sewajarnya agar masalah tersebut dapat diatasi. Memanglah menjadi dasar dan hasrat Kementerian untuk membekalkan segala kemudahan asas yang dipertanggungjawabkan di Kementerian ini kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar secepat mungkin, tetapi ianya adalah

tertakluk kepada faktor-faktor kewangan dan kemampuan Jabatan/Agensi Kerajaan yang terlibat dalam projek-projek tersebut. Dengan peruntukan yang ada bagi Kementerian ini untuk tahun 1986 nanti semoga ianya dapat membendung masalah-masalah yang dihadapi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak akan berjalan lancar sekiranya kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan juga Jabatan/Agensi berkenaan tidak wujud.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali inginlah saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah secara ikhlas membangkitkan masalah berkenaan yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian ini di sepanjang perbahasan Belanjawan di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Pelajaran dijemput menjawab.

4.40 ptg.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Belanjawan Kementerian Pelajaran dan juga kepada cadangan-cadangan, ulasan-ulasan serta teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan yang telah berjalan selama ini. Saya suka menyatakan bahawasanya tindakan-tindakan yang sesuai akan diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada supaya perkhidmatan pelajaran di negara ini dapat diperbaiki dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit ulasan dan penjelasan kepada perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan aktiviti-aktiviti dan program-program yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, Program Sekolah Integrasi yang telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dari Beruas, Ipoh, Bachok, Sungai besi, Tenggaroh, Bukit Mertajam, Padang Serai, Kota Melaka, Pasir Puteh, Muar, Tanjong, Mukah dan Kepong dalam perbahasan mengenai Kementerian Pelajaran, sebenarnya ialah rancangan untuk integrasi murid-murid untuk perpaduan dan bukanlah rancangan untuk mencantumkan sekolah-sekolah yang terlibat dari segi fizikalnya termasuk pentadbirannya sebagaimana yang dikhuatiri oleh beberapa pihak yang berkenaan. Tujuan rancangan ini dinamakan semula sebagai Rancangan Integrasi Murid-murid Untuk Perpaduan ialah untuk mencerminkan kegiatan yang sebenarnya hendak dijalankan untuk memberi kesempatan kepada murid-murid berbilang bangsa untuk berinteraksi supaya mereka boleh menjalinkan persahabatan yang akan menjadi asas kukuh untuk perpaduan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya berharap tidak akan ada mana-mana pihak yang seharusnya bimbang dengan program ini. Program ini menekankan penglibatan dan kerjasama sekolah-sekolah dalam kegiatan yang dipersetujukan bersama sahaja dan tidak melibatkan mata pelajaran akademik. Program ini menekankan aktiviti-aktiviti di luar waktu belajar atau di luar bilik darjah dan oleh itu ia tidak mungkin menjejaskan kedudukan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan seperti yang

didakwa oleh setengah-setengah pihak. Corak dan pengajaran di sekolah-sekolah itu tidak akan berubah. Pentadbiran sekolah-sekolah itu juga tidak akan terjejas dan sekolah-sekolah itu akan berjalan seperti biasa seperti yang terjamin dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelajaran yang jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr mahathir Mohamad. Dengan ini adalah jelas tiada sebarang muslihat di sebalik program ini seperti yang didakwa oleh setengah-setengah pihak. Untuk menjamin pelaksanaannya dibuat secara teratur satu bengkel di peringkat kebangsaan akan diadakan pada bulan Disember ini untuk guru-guru besar dan juga pihak-pihak yang berkenaan dengan sekolah yang berkenaan dan bengkel ini akan menghasilkan satu garis panduan bagi menjelaskan pelaksanaan program ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh gembira kerana setelah rancangan ini diterangkan sepenuhnya kepada wakil-wakil yang mewakili Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) yang terlibat, mereka telah memahami rancangan ini dan di samping itu juga telah mencadangkan beberapa perkara untuk memperbaiki lagi rancangan ini dan mengelakkan dari kekeliruan fahaman terhadap konsepnya oleh mana-mana pihak yang berminat.

Saya memang menyedari adanya dakwaan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap bahawa rancangan ini tidak boleh menjamin akan hilangnya polarisasi di kalangan pelajar-pelajar kita dan seterusnya mewujudkan perpaduan. Kepada mereka saya suka menjelaskan bahawa tidak ada mana-mana satu sahaja rancangan dengan sendirinya yang boleh mencapai tujuan ini. Rancangan ini adalah salah satu rancangan yang

dijalankan di antara rancangan-rancangan yang lain yang dijalankan oleh Kerajaan. Kalau kita ingin menjamin kejayaan rancangan ini kita mestilah terlebih dahulu menjamin adanya sentiasa keadaan yang aman dan harmoni serta politik yang stabil di negara ini. Membuat tuduhan-tuduhan dan mengeksploitasi rancangan ini untuk muslihat politik dan menimbulkan keresahan dan tension di kalangan rakyat oleh golongan-golongan tertentu bukanlah caranya untuk mencapai perpaduan negara.

Kita memahami walaupun kita telah merdeka dan membangun selama 27 tahun tetapi kita menyedari bahawa dalam masyarakat kita masih terdapat perasaan takut, was-was dan curiga terhadap banyak perkara yang berlaku dalam masyarakat kita termasuk juga usaha-usaha yang dijalankan atau hendak dijalankan oleh Kerajaan. Dalam hal ini pemimpin masyarakat dan politik terutama sekali mestilah menyedari bahawa mereka janganlah menjadi alat atau memperalatkan keadaan ini dengan cara yang boleh menebalkan lagi perasaan negatif itu. Pemimpin-pemimpin hendak memastikan mereka tidak diruntun dengan perasaan takut, was-was dan curiga itu atau terperangkap dengan tindakan-tindakan mana-mana golongan yang melambangkan sikap itu. Kalau ini yang berlaku akan hancur dan musnahlah negara kita. Pemimpin-pemimpin mesti berani memimpin rakyat yang terperangkap dengan perasaan itu ke arah keadaan yang boleh membebaskan mereka daripada perasaan negatif itu. Dalam hal rancangan integrasi murid untuk perpaduan saya ingin melihat sikap yang lebih positif dan membina untuk memberi keyakinan kepada rakyat khususnya ibubapa, guru dan murid-murid untuk menerima rancangan ini. Pelajaran adalah tajuk yang sensitif dan boleh meletup. Oleh itu janganlah

sekali bermain sentimen bila menonjolkan isu-isu pelajaran kerana padah akibatnya.

Dr Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mahu beri jalankah?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tidak, saya hendak terus.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Beruas, Julau, Sungai Petani dan Keluang telah menyentuh soal mutu bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini. Berhubung dengan perkara ini saya memberi tahu bahawa Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil tindakan tertentu untuk meningkatkan prestasi pelajar-pelajar dalam bahasa Inggeris. Di antara langkah-langkah tersebut ialah menyediakan bahan-bahan di dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bidang itu. Kementerian Pelajaran juga membuat program-program seperti, dengan izin, "English Language Reading Program". "Junior English Reading Program" dan "Jurnal Pengajaran dan Pembelajaran". Selain daripada itu Kementerian Pelajaran juga mengadakan kursus-kursus seperti kursus TESL di dalam dan di luar negeri bagi menambah bilangan guru-guru bahasa Inggeris.

Berhubung dengan guru-guru bahasa Inggeris, Kementerian Pelajaran tidak lagi mengambil guru-guru dari luar negeri tetapi hasil

daripada program guru-guru CFBT, dengan izin, Centre For British Teachers yang dijalankan pada tahun 1980-1984 dahulu kita telah dapat mengumpulkan bahan-bahan rujukan dan pengajaran yang sekarang ini dicetak dan diedarkan di sekolah-sekolah di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, segala usaha yang dijalankan bagi memperbaiki mutu bahasa Inggeris yang digunakan oleh pelajar bukanlah berupa usaha yang berlawanan dengan kepentingan Bahasa Malaysia. Tidak ada bahasa lain yang kepentingannya sama atau melebihi Bahasa Kebangsaan kita. Apa yang kita perlu faham ialah selagi dasar pelajaran kebangsaan kita menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan selagi kita perlu menghantar ribuan ramainya pelajar-pelajar kita ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka maka mereka mestilah dapat menguasai bahasa itu pada tahap yang sesuai dengan pelajaran yang diikutinya.

Di samping itu, usaha-usaha untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia pula akan terus diperbesarkan dan ditingkatkan sesuai dengan kedudukan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit dan Hilir Padas telah menyentuh soal istilah-istilah yang digunakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Ahli Yang Berhormat dari Parit mahu Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan satu dasar tetap tentang perkara ini khasnya bagi bidang Sains dan ejaan yang digunakan. Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas tidak bersetuju dengan penggunaan banyak istilah pinjaman daripada bahasa Inggeris dalam buku-buku terjemahan Dewan. Dalam perkara ini saya ingin menjelaskan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka memang mempunyai

dasar yang tetap tentang pembentukan istilah-istilah. Istilah-istilah yang dibentuk kekal digunakan. Tetapi kita patut sedar bahawa ilmu sentiasa berkembang dan idea-idea yang baru sentiasa wujud. Bila didapati mana-mana istilah yang telah dibentuk itu tidak dapat lagi mendukung perkembangan atau idea-idea yang baru itu, sudah tentulah kita terpaksa mengubahnya. Tetapi bilangan istilah yang dipinda itu adalah kecil.

Mengenai penggunaan kata-kata pinjaman daripada Bahasa Inggeris, saya ingin menjelaskan bahawa ianya terdapat dalam buku-buku teknikal yang diterbitkan. Istilah-istilah pinjaman ini berbentuk nama khas atau istilah khas dan dipakai oleh pakar-pakar bagi bidang-bidang yang khusus sahaja. Istilah-istilah ini tidak ada padanannya dalam Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, di mana ada padanannya, kita gunakan Bahasa Malaysia, iaitu sama ada daripada bahasa daerah atau bahasa serumpun.

Mengenai ejaan yang digunakan, sebenarnya ejaan yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka boleh dikatakan berkekal, kerana ejaan baru Bahasa Malaysia telah dipakai sejak tahun 1972 lagi. Pindaan-pindaan yang dibuat adalah sedikit sahaja, iaitu yang melibatkan nama bandar atau bandaraya di Malaysia dan setengah-setengah kata-kata pinjaman dari bahasa asing, yang sangat terbatas dipakai oleh pakar dalam bidang-bidang yang khusus sahaja. Pindaan-pindaan kecil ini tidak mencatatkan sistem ejaan Bahasa Malaysia.

Berhubung dengan perkara kemudahan-kemudahan fizikal di sekolah rendah dan menengah di luar bandar dan juga di Sarawak yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan Lambir, Parit, Muar, Bukit Mertajam

dan Padang Serai, saya suka menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menambahkan bilangan bilik-bilik darjah dan kemudahan-kemudahan yang lain bukan sahaja untuk Sarawak tetapi juga daerah-daerah lain yang memerlukannya, khusus untuk Sarawak dalam tahun 1986. Kementerian telah memperuntukkan sebanyak \$34 juta untuk pelajaran rendah dan \$63 juta untuk sekolah menengah.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Kuala Lumpur Bandar, telah membangkitkan isu berkenaan dengan rancangan untuk membina Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) yang baru, iaitu di Serdang dan di Cheras, dan untuk menambah bilangan SRJK (C). Saya suka menyatakan di sini bahawa projek-projek tersebut memang ada dalam Rancangan Malaysia Kelima tetapi bilangan yang dibina atau ditambah adalah bergantung kepada peruntukan yang diluluskan mengikut kemampuan kewangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu atas pandangan beliau mengenai pentingnya pendidikan vokasional bagi murid-murid yang akan meninggalkan bangku sekolah. Umumnya masyarakat memang lebih mementingkan matapelajaran-matapelajaran akademik berbanding dengan matapelajaran yang bercorak vokasional bagi anak-anak mereka.

Walaupun bagaimanapun dengan mengambilkira peluang-peluang dalam pasaran pekerjaan, sikap ini sudah beransur berubah. Kementerian Pelajaran pula telah mengambil langkah-langkah untuk menamakan minat murid-murid terhadap bidang vokasional dengan memperkenalkan

matapelajaran-matapelajaran baru, iaitu matapelajaran Kemahiran Manipulatif untuk sekolah rendah dan menengah, Amalan Perdagangan untuk sekolah rendah dan matapelajaran Perdagangan dan Keusahawanan untuk sekolah menengah, di samping matapelajaran-matapelajaran vokasional yang sedia ada. Suka juga saya menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran dalam proses mengkaji semula struktur dan kurikulum keseluruhan pelajaran vokasional selaras dengan kehendak-kehendak pembangunan perusahaan negara pada masa ini.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang menimbulkan semula persoalan kenaikan yuran dengan Kerajaan Australia, usaha-usaha diplomatik telah pun diambil di mana baru-baru ini T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di dalam pertemuannya dengan Menteri Pelajaran Australia telah membangkitkan supaya pengecualian pembayaran kenaikan yuran dapat diberikan kepada pelajar-pelajar Malaysia tetapi malangnya pengecualian berkenaan tidak dapat diberikan oleh Kerajaan berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah meminta supaya Kementerian Pelajaran campur tangan dalam kes surat tunjuk-sebab atau show cause letter, dengan izin, di Universiti Sains Malaysia. Dalam perkara ini saya ingin menyatakan Kementerian saya sedia maklum dan sentiasa memberi perhatian akan setiap perkembangan yang berlaku di USM. Walau bagaimanapun buat masa ini Kementerian Pelajaran berpendapat bahawa masalah-masalah yang berlaku itu dapat diselesaikan oleh pentadbiran dan Majlis Universiti sendiri tanpa campur tangan dari Kementerian Pelajaran.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Kota Melaka, seratok, Kinta, Muar dan Serian telah menimbulkan soal penswastaan institusi-institusi pengajian tinggi dengan tujuan hendak menambahkan bilangan universiti bertaraf antarabangsa. Buat masa ini Malaysia belum lagi mempunyai satu rancangan untuk mengadakan universiti di mana universiti-universiti boleh diswastakan. Ini adalah memandangkan bahawa objektif utama pelajaran tinggi di Malaysia untuk pembinaan satu bangsa iaitu Bangsa Malaysia. Buat masa ini Kementerian Pelajaran juga belum lagi bercadang untuk membenarkan penubuhan Universiti Swasta/Awam setiap tahun di setiap negeri bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima sehingga tahun 1990. Ini adalah memandangkan bahawa universiti-universiti tempatan yang sedia ada boleh diperkembangkan lagi bagi menampung keperluan pelajaran tinggi di Malaysia.

Berhubung dengan peluang-peluang kenaikan pangkat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit, ingin saya menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan untuk memperluaskan peluang-peluang kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran dan perkara ini sedang dipertimbangkan. Cadangan mengadakan dua skim perkhidmatan juga akan membuka peluang kenaikan pangkat bagi lebih ramai pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran.

Mengenai masalah kekurangan guru terlatih di SRJK (C), yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan-tindakan yang tegas bagi mengatasinya dengan mengadakan semula Kursus Dalam Cuti untuk guru-guru sandaran

dan menambahkan lagi bilangan guru pelatih yang diambil untuk mengikuti Kursus Perguruan Asas di Maktab-maktab perguruan. Dalam kes-kes tertentu Kementerian Pelajaran telah melonggarkan syarat-syarat kepujian dalam Bahasa Cina di peringkat SPM bagi calon-calon yang ada pengalaman mengajar di SRJK (C). Di samping itu, calon-calon yang memohon kursus lain, telah mempunyai kepujian dalam Bahasa Cina telah juga ditawarkan kursus PSR (Pengajian Cina). Dengan yang demikian, bilangan calon-calon yang ditawarkan mengikuti Kursus Perguruan Asas adalah bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang dapat saya jelaskan dan huraikan mengenai perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program-program dan aktiviti-aktiviti Kementerian Pelajaran. Saya menyedari ada banyak lagi isu-isu yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Semua ini telah pun dicatatkan dan akan diberi perhatian dan di mana idea-idea itu baik dan boleh dilaksanakan bagi meninggikan lagi mutu khidmat Kementerian Pelajaran maka idea-idea itu akan dilaksanakan sama ada dalam bentuk projek baru ataupun menerapkannya dalam projek-projek yang sedia ada dalam pelaksanaan pada masa sekarang ini.

Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap memberi sokongan kepada Kementerian Pelajaran dan telah memberi teguran dan pandangan yang membina.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dijemput menjawab.

4.59 ptg.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu

saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran-teguran berkait dengan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Buruh. Semua pandangan-pandangan, teguran-teguran dan syor-syor daripada Ahli Yang Berhormat sudah tentu akan mendapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian saya. Saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana banyak daripadanya telah pun diberikan jawapannya semasa sesi soal jawab dari masa ke semasa.

Walau bagaimanapun saya memohon izin dan akan cuba menjawab beberapa perkara tertentu yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar telah menyentuh dengan perkara pemberhentian kerja secara sukarela para pekerja Syarikat Kuala Lumpur Glass Sendirian Berhad adalah sebenarnya merupakan pemberhentian kerja secara paksa oleh majikan syarikat tersebut. Sukalah saya menyatakan bahawa daripada siasatan yang telah dijalankan oleh Kementerian saya adalah difahamkan bahawa syarikat tersebut telah mengalami masalah kerugian akibat dari kemerosotan ekonomi sekarang. Setelah diadakan beberapa perundingan antara majikan dengan pihak kesatuan sekerja di syarikat tersebut untuk mengatasi masalah itu, persetujuan telah dicapai oleh kedua pihak di mana pihak syarikat berkenaan menawarkan pemberhentian kerja secara sukarela kepada pekerja-pekerjanya dengan pemberian faedah-faedah dan ganjaran tertentu oleh pihak syarikat.

Walau bagaimanapun, Kementerian Buruh akan sentiasa memastikan pihak majikan sekurang-kurangnya mematuhi Undang-undang dan Peraturan-peraturan Kerja (Penamatan dan Rentikerja Sementara) 1980 semasa merundingkan pembayaran faedah-faedah kepada pekerja-pekerja yang terlibat itu. Saya suka memaklumkan, Kementerian Buruh tidak teragak-agak mengambil sebarang tindakan tegas di atas pelanggaran undang-undang dan peraturan-peraturan kerja tersebut mengikut tatacara sebagaimana yang telah ditetapkan.

Sehubungan dengan ini, saya ingin menyeru para majikan seluruh negara supaya tidaklah sewenang-wenangnya mengambil langkah memberhentikan para pekerja mereka mengikut kehendak selera mereka tanpa mengambil kira akibatnya terhadap pekerja yang terlibat. Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap tindakan pemberhentian pekerja-pekerja oleh pihak majikan terutamanya pemberhentian kerja secara beramai-ramai sebagaimana yang sering berlaku di kilang-kilang khususnya dalam keadaan kemerosotan ekonomi sekarang. Bagi menjamin kepentingan para pekerja dari berlakunya tindakan pemberhentian kerja yang tidak adil Tatacara untuk Keharmonian Perusahaan (Code of Conduct for Industrial Harmony) telah digubal dan ianya berkuat kuasa sejak tahun 1975. Peruntukan-Peruntukan tatacara tersebut adalah sebagai landasan yang jelas dalam menjamin perhubungan perusahaan yang adil dan saksama di antara majikan dan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, lazimnya pekerja-pekerja yang menganggotai sesebuah kesatuan sekerja mendapat perlindungan yang lebih terjamin daripada

pemberhentian kerja secara tidak adil oleh majikan. Dalam perjanjian-perjanjian bersama yang meliputi mereka terdapat peruntukan-peruntukan yang mewajibkan majikan-majikan supaya melaksanakan tindakan pemberhentian kerja dengan cara yang seadil-adilnya. Sukalah saya menyatakan pada masa ini Kerajaan berkeyakinan kepada satu sistem perhubungan yang membolehkan kedua-dua pihak di dalam industri yakni pihak majikan dan pihak pekerja mengamalkan konsep bermusyawarah untuk mengatasi apa-apa masalah yang timbul di antara mereka dari semasa ke semasa dengan campur tangan oleh pihak Kerajaan hanya apabila didapati amat perlu. Di bawah sistem ini kedua-dua pihak dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan segala masalah di antara mereka secara damai dengan Kerajaan memainkan peranan sebagai pendorong ke arah pendamaian. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang memerhatikan keadaan sekarang dengan penuh teliti dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya jika dan apabila ianya didapati perlu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan memberi jaminan bahawa semua pandangan dan teguran yang membina itu akan diberi perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dijemput menjawab.

5.05 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi

pandangan, cadangan serta teguran-teguran yang membina mengenai pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti di Kementerian saya semasa perbincangan atas dasar-dasar am Belanjawan 1986 di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat dari Kapit dan Yang Berhormat dari Ulu Rajang serta beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dari Negeri Sarawak telah menyentuh tentang peranan FELDA dan FELCRA dalam bidang pembukaan dan pembangunan tanah di Negeri Sarawak. Ke arah ini, Kementerian saya sudah pun mengadakan perancangan dan strategi yang berkaitan dengan pembangunan tanah di Negeri Sarawak. Saya sukalah menyentuh mengenai pembangunan tanah oleh FELDA di Negeri Sarawak.

Kesediaan Kerajaan Negeri Sarawak menawarkan tanah yang sesuai untuk dimajukan oleh FELDA mencerminkan hasrat Kerajaan Negeri Sarawak menolong rakyat terutama di kawasan luar bandar dalam proses pembasmian kemiskinan. Kementerian saya khasnya FELDA menyambut baik kesediaan Kerajaan Negeri Sarawak tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, FELDA masih belum beroperasi di Sarawak, ianya dalam peringkat perancangan ada perundingan terakhir. Buat masa ini kawasan seluas lebih kurang 2,000 hektar atau 5,000 ekar telah ditawarkan kepada DELDA di daerah Bau/Lundu dalam Bahagian Pertama. Untuk membolehkan aktiviti-aktiviti pembangunan FELDA berjalan dengan cekap dan berkesan, usaha-usaha sedang dijalankan untuk membolehkan lebih kurang 4,000 hektar atau 10,000 ekar lebih kurang lagi kawasan tambahan ditawarkan kepada FELDA untuk dimajukan.

Dengan adanya kawasan tambahan ini bolehlah perkhidmatan sokongan dalam bidang pengurusan dan teknikal dapat disediakan dan juga kemudahan-kemudahan memproses seperti kilang-kilang sawit dapat didirikan.

Sekiranya usaha-usaha yang telah disebutkan di atas berjalan mengikut jadual adalah dijangkakan FELDA dapat beroperasi di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990. Pembangunan tanah di Sarawak insya Allah akan dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima dengan adanya kerjasama antara Kerajaan Negeri Sarawak dan LCDA (Land Custody and Development Authority) iaitu sebuah badan Kerajaan yang telah ditubuhkan untuk melaksana dan menyelaraskan pembangunan tanah dan penempatan di Sarawak dengan FELDA.

Strategi pembangunan tanah yang dijalankan oleh FELCRA di Negeri Sarawak telah mula dari tahun 1979 iaitu di bawah Programme Rajang Area Security Command (RASCOM). Strategi ini meliputi program penempatan semula penduduk-penduduk di kawasan keselamatan RASCOM selaras dengan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Negara (JPPN) pada 29hb Mei, 1978. Peranan FELCRA dalam usaha pemuliharaan dan penyatuan tanah di Negeri Sarawak melalui projek RASCOM ini ditumpukan kepada rancangan penempatan semula kaum Iban di Bahagian Ketiga dan setakat ini empat kawasan telah dimajukan iaitu di Nanga Tada, Nanga Ngangun, Nanga Jagau dan Nanga Sekal. Sehingga sekarang FELCRA telah memajukan 405.32 hektar di bawah rancangan tersebut dengan tanam lada hitam dan koko. Dalam tahun 1986 Felcara dijangka akan memajukan 3,000

hektar lagi dengan peruntukan sebanyak \$8 juta. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada selesainya beberapa masalah seperti bayaran pampasan, kesesuaian tanah dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah menyentuh mengenai pembangunan tanah baru dan tanah-tanah terbiar yang pada hemat Yang Berhormat terpaksa melalui proses yang terlalu lama sehingga boleh melibatkan pertambahan kos peruntukan. Sukalah saya memaklumkan kepada Yang Berhormat dan juga Dewan ini bahawa proses untuk membangunkan tanah-tanah baru sememangnya ditiitikberatkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian saya seperti fungsi yang dimainkan oleh FELDA. Untuk membangunkan sesuatu tanah baru khasnya oleh FELDA tidak dapat tiada terpaksa melalui beberapa proses.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kelulusan Kerajaan-kerajaan Negeri terhadap sesuatu tanah yang ingin dibangunkan perlu diperolehi terlebih dahulu sehinggalah kepada peringkat penempatan peneroka. Kelewatan mungkin timbul di setengah-setengah peringkat yang menyebabkan pertambahan kos peruntukan. Kerjasama yang erat sememangnya wujud di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi pembangunan tanah di bawah Kementerian saya.

Selain dari itu Yang Berhormat itu juga telah menyentuh bahawa FELCA dapat memberikan penumpuan kepada kawasan-kawasan tanah terbiar di kawasan-kawasan pendalaman. Untuk makluman Yang Berhormat, satu Memorandum yang bertajuk "Usaha Meningkatkan Pemulihan Tanah Terbiar di Kampung-kampung Tradisional" oleh FELCRA telah pun dibentangkan

dalam Kabinet yang bersidang pada 22hb Ogos, 1984 yang lalu dan Kabinet telah mengambil maklum tentang usaha peningkatan tersebut.

Mulai daripada tarikh tersebut, FELCRA telah menumpukan sepenuh perhatian kepada usaha-usaha memulihkan tanah-tanah terbiar di kampung-kampung tradisional di samping meneruskan penjagaan rancangan tanah pinggir FELCRA dan tanah belia yang sedia dilaksanakan sehingga segala hutang kos pembangunan rancangan dipungut kembali.

Bagi menjayakan rancangan usaha tersebut, FELCRA telah mengenalpasti kawasan tanah terbiar 569,132 hektar di seluruh negara untuk dimajukan oleh FELCRA sepanjang tahun 1983 hingga 1995. Sehingga ini 261 buah rancangan itu dibuka oleh FELCRA dengan melibatkan kawasan seluas 113,632.94 hektar.

Yang Berhormat daripada Padang Rengas telah membangkitkan mengenai masalah sosial khususnya ancaman dadah yang dihadapi oleh masyarakat di rancangan-rancangan tanah. Yang Berhormat telah menggesa Kementerian saya menggiatkan dan menjalankan kempen anti dadah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sedar akan masalah-masalah sosial, khasnya di kalangan belia. Untuk mengatasi masalah ini, kempen-kempen penerangan sepanjang masa di adakan oleh pegawai penerangan agensi, khususnya pegawai-pegawai dari bahagian sosial di agensi yang berkenaan. Sehubungan dengan itu, Kementerian saya juga bekerjasama dengan PEMADAM dalam menjayakan kempen-kempen anti dadah. Di samping kempen-kempen penerangan tentang bahayanya

penyalahgunaan dadah, beberapa langkah juga diambil iaitu dengan menyediakan berbagai program latihan kemahiran kepada belia-belia agar tidak terlibat dengan dadah. Pusat Latihan FELDA in put di Trolak, Perak telah menyediakan berbagai latihan kemahiran kepada belia-belia FELDA. Selain daripada itu, agensi agensi Kementerian saya sentiasa berhubung rapat dengan lain institusi latihan kemahiran seperti Institut Kemahiran MARA dan Pusat Latihan di Belia dusun Tua dan di Pertak.

Untuk menyelaraskan dan memperkemas lagi strategi dalam menghadapi masalah-masalah sosial termasuklah dadah, satu unit khas telah ditubuhkan di peringkat Kementerian iaitu Unit Pembangunan Sosial dan Institusi. Adalah diharapkan dengan penubuhan unit khas ini, gejala-gejala sosial termasuklah masalah dadah dapatlah dibendung dengan lebih berkesan lagi. Segala program-program dan aktiviti sosial dari persatuan-persatuan belia dan beliawanis di rancangan-rancangan tanah akan diselenggarakan agar belia tidak terjebak dalam perangkap dadah.

Yang Berhormat dari Lambir telah menyentuh mengenai pertumbuhan industri-industri kecil di kawasan luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di peringkat Kementerian saya melalui 10 agensi-agensi pembangunan tanah dan pembangunan wilayah telah pun melaksanakan program industri desa atau industri kecil sebagai satu aktiviti utama dalam mempergiatkan aktiviti-aktiviti bukan pertanian sebagai aktiviti sampingan atau tambahan kepada aktiviti pertanian sebagai aktiviti sampingan atau tambahan kepada aktiviti pertanian dalam usaha mempertingkatkan pendapatan para petani. Aktiviti ini telah dan sedang

dilaksanakan di bawah rancangan-rancangan pembangunan yang sedia ada. Ianya akan diperluaskan lagi di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Aktiviti ini adalah merupakan sebahagian daripada program-program yang ditunjukkan di bawah program pembangunan kampung tradisi, pembangunan sosial dan institusi, khidmat sokongan, pembangunan perindustrian dan perusahaan, program latihan dan pembangunan tenaga manusia.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti industri desa, Kementerian ini memberi keutamaan kepada penggunaan sumber-sumber tempatan yang berpotensi seperti buluh, rotan, mengkuang, tanah liat dan sebagainya dengan objektif membolehkan penduduk tempatan memperoleh nilai tambahan atau "value added" yang dihasilkan. Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah atau KEDA adalah di antara agensi yang telah menghasilkan banyak keluaran-keluaran daripada sumber tempatan ini. Agensi-agensi lain seperti DARA, KESEDAR, dan KETENGAH juga telah dan akan melaksanakan aktiviti-aktiviti serupa ini. Ke arah menggalak dan mempercepatkan pembangunan industri ini, agensi-agensi telah dan akan terus menyediakan segala kemudahan seperti penyediaan tapak-tapak industri desa yang lengkap dengan kemudahan air, api telefon, mengadakan latihan-latihan tertentu ke arah menggembelangkan sumber tenaga manusia untuk mengeksploitasi sumber-sumber tempatan dan mengadakan tabung pusingan untuk memberi modal-modal pusingan.

Selain daripada industri kecil yang berasaskan sumber di atas, galakan juga diberi kepada industri seperti memproses dan mengawit makanan motor mekanik, pertukangan kayu, ternakan-ternakan termasuk ternakan air tawar, kraftangan, cat dan kimpalan dan lain-lain lagi

Kementerian, buat masa ini sedang menggubal satu polisi industri desa untuk diguna pakai oleh semua agensi-agensinya di bawahnya.

Yang Berhormat dari Pasir Putih telah menyarankan supaya agensi-agensi Kerajaan mengambil tindakan untuk menutup anak-anak syarikat yang tidak menguntungkan dan menswastakan mana-mana anak syarikat yang menguntungkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang telah dan akan terus memberi perhatian dan mengambil tindakan mengenai perkara ini. Setakat ini agensi-agensi di bawah Kementerian ini telah menutup atau memberhenti operasi sebanyak 10 buah anak syarikat yang mengalami kerugian yang dijangka tidak memberi keuntungan. Agensi-agensi yang juga sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk menswastakan beberapa aktiviti-aktiviti anak syarikat yang menguntungkan sama ada secara jualan terus, "outright sale" atau mendapat penyertaan sektor swasta sebagai rakan usaha ataupun ada juga yang telah diintip-intip oleh PNB untuk diambil alih. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada intip-intip juga. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan dijemput menjawab.

5.12 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbincangan di atas Belanjawan dan membincangkan beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian Kesihatan dan saya cuba menjawabkan beberapa aspek

perkara-perkara yang dibangkitkan dalam perbincangan itu.

Pertama, Ahli Yang Berhormat daripada Tanjung Karang, beliau telah merayu kepada Kementerian supaya membina sebuah hospital kanak-kanak agar dapat mempertingkatkan lagi perkhidmatan jagaan kanak-kanak dan mengurangkan beberapa kelemahan yang dalam perhatian beliau membawa kepada keadaan di mana kematian bayi-bayi adalah satu kadar yang tinggi.

Semenjak merdeka, kadar kematian di kalangan kanak-kanak kita telah menurun dengan baiknyanya. Dan keadaan sekarang adalah menggalakkan. Dalam tahun 1957, kadar kematian bayi adalah 76 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup. Dan ianya menurun ke 20.33 setiap 1,000 kelahiran hidup dalam tahun 1983. Kadar kematian kanak-kanak berumur 1 hingga 4 tahun pada tahun yang sama menurun dari 11 dalam setiap 1,000 penduduk kanak-kanak yang berumur 1 hingga 4 tahun dalam tahun 1957 ke 1.77 setiap 1,000 dalam tahun 1983. Angka-angka ini apabila dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang mempunyai persamaan kedudukan sosio-ekonomi dan corak tradisinya adalah rendah. Kadar yang menurun ini adalah satu petunjuk yang tepat dan jelas bagi kemajuan yang telah dicapai dalam taraf sosio-ekonomi serta juga kejayaan penumpuan yang kita telah beri terhadap kesihatan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kadar kemudahan kita apabila dibandingkan dengan negara-negara yang amat maju seperti USA, UK, Jepun dan Sweden dan sebagainya adalah lebih tinggi. Perbezaan ini disebabkan oleh kemajuan keseluruhannya negara-negara tersebut serta taraf sosio-ekonomi mereka yang begitu maju.

Tidaklah tepat bagi mengatakan bahawa kepakaran dan kemudahan

bagi menjaga kesihatan bayi dan kanak-kanak di negara kita adalah kurang dan inilah yang menyebabkan kelemahan dalam bidang kesihatan kanak-kanak. Kedudukan sosio ekonomi serta kesedaran di kalangan ibu-ibu mengenai kebersihan diri adalah sama penting seperti perkhidmatan rawatan kepada kanak-kanak.

Pada amnya, Kementerian telah mewujudkan satu rancangan penjagaan ibu dan kanak-kanak yang menyeluruh. Rancangan ini mengandungi perkhidmatan antenatal dan post-natal kepada ibu-ibu serta perhatian kepada bayi-bayi dan juga kanak-kanak di seluruh negara melalui klinik-klinik bidan sehinggalah kepada hospital rujukan seperti hospital-hospital besar.

Rancangan ini dikaji dari semasa ke semasa untuk mempertingkatkan prestasinya. Perkhidmatan membekalkan dan meningkatkan cara gunaan dengan izin, "oral rehydration salts" dan perkhidmatan bagi mengawal G6PD telah ditegaskan juga dalam rancangan ini. Kementerian tidak lama lagi akan mengenalkan satu strategi baru dalam perkhidmatan ibu-ibu dan kanak-kanaknya dengan menumpukan perhatian yang lebih mendalam terhadap kawasan-kawasan dan ibu-ibu yang dalam keadaan berisiko tinggi.

Pendekatan baru ini mementingkan kawasan-kawasan di mana kadar kematian ibu semasa bersalin dan kanak-kanak terdapat lebih tinggi dan juga kepada orang perseorangan yang berisiko tinggi, kerana kemungkinan kematian ibu-ibu bersalin dan kanak-kanak adalah lebih tinggi dalam golongan seperti ini.

Kementerian telah pun mengenal pasti kawasan-kawasan dan golongan ibu-ibu dalam risiko tinggi melalui kajian-kajian yang dibuat pada tahun

yang lalu. Tindakan ini untuk mengemukakan satu strategi yang baru, termasuk juga latihan kepada bidan-bidan dan doktor-doktor dan juga pakar-pakar kanak-kanak "pediatric". Dengan tindakan ini kita harap akan membawa hasil yang lebih baik.

Tindakan juga sedang diambil bagi mengadakan sebuah hospital kanak-kanak di Kuala Lumpur dan penyediaan wad-wad kanak-kanak disemua hospital Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang juga telah merayu kepada Kementerian supaya jangan menswastakan hospital-hospital Kerajaan. Ini adalah kerana pihak swasta bertujuan mencari "untung", ataupun "profit oriented", dengan izin, dan juga orang-orang yang berpendapatan kecil tidak akan dapat khidmat-khidmat pakar seperti yang didapati pada masa ini.

Penswastaan, Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan hospital-hospital Kerajaan bukanlah bermakna bahawa Kerajaan akan menyerahkan sahaja dengan sepenuhnya pengurusan hospital-hospital Kerajaan kepada pihak swasta. Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk menswastakan beberapa aspek kemudahan perubatan di beberapa buah hospital Kerajaan dengan mengambil pakar-pakar dan doktor-doktor swasta untuk berkhidmat bagi tempoh masa yang tertentu dan sebagainya.

Pakar-pakar tersebut dapat menambah kepada tenaga kerja kita supaya beban kerja kakitangan Kerajaan seperti pegawai-pegawai perubatan dan pakar-pakar perubatan akan berkurangan dan dengan ini dapat menumpukan lebih perhatian kepada mereka yang berpendapatan kecil. Peraturan-peraturan ini juga mungkin dapat meningkatkan

kegunaan dengan lebih penuh beberapa kemudahan khusus yang terdapat di hospital-hospital daerah, seperti theatre pembedahan, katil-katil dan sebagainya.

Kerjasama di antara pihak sektor swasta dan Kerajaan yang dijalankan melalui peraturan seperti ini adalah satu yang kita di Kementerian ingin merujuk. Kerajaan akan terus menyediakan perkhidmatan seperti mana yang disediakan sekarang, termasuk perkhidmatan pakar-pakar kepada orang ramai khasnya mereka yang tidak berupaya.

Ahli Yang Berhormat dari Lipis, sebaliknya, telah mencadangkan supaya diswastakan perkhidmatan perubatan dan menyarankan supaya orang-orang kaya tidak sepatutnya diberikan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan.

Pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan yang disediakan di hospital-hospital Kerajaan dinikmati oleh pesakit-pesakit yang berpendapatan rendah dan juga yang lebih mampu. Satu daripada tujuan kita menswastakan beberapa aspek bidang kerja hospital-hospital Kerajaan dan menggalakkan kemudahan rawatan hospital di sektor swasta ialah untuk membolehkan mereka yang lebih mampu, termasuk syarikat-syarikat yang besar, menggunakan kemudahan sektor swasta ini.

Haruslah diingat bahawa pada masa ini kebanyakan pesakit yang menggunakan hospital-hospital Kerajaan terdiri daripada golongan rakyat yang berpendapatan rendah ataupun sederhana sahaja. Lebih daripada 80% katil-katil di hospital-hospital Kerajaan ialah katil Kelas Dua dan Tiga. Di Kelas Dua dan Satu pembayaran yang dikutip adalah lebih seimbang dengan bayaran di sektor

swasta. Tetapi dalam keadaan sekarang Kerajaan tidak boleh menghalang sesiapa pun dari mendapat rawatan perkhidmatan di hospital-hospital Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Lipis juga telah membuat saranan supaya pembinaan sesuatu hospital itu hendaklah mengikut kehendak-kehendak sesuatu kawasan. Beliau telah menegur bahawa pembinaan hospital besar yang baru di Kuantan dengan 1,000 katil itu adalah pembaziran kerana untuk memenuhi hospital itu, hospital-hospital yang lain, kata beliau, akan kosong.

Perancangan sesuatu hospital baru di bawah Kementerian dibuat berasaskan kepada anjuran penduduk-penduduk dalam kawasan perkhidmatan sesebuah hospital itu, profail kesihatan dan keperluan-keperluan kesihatan penduduk, polisi-polisi Kementerian dan lain-lain faktor. Dari analisa maklumat-maklumat itu Kementerian dapat menentukan saiz dan tahap perkhidmatan sesebuah hospital baru untuk memenuhi kehendak-kehendak sesuatu kawasan masa kini dan juga dalam masa jangka panjang.

Hospital Besar baru di Kuantan yang dirancang untuk mempunyai 1,038 katil rawatan kepakaran dan juga biasa adalah bilangan yang dianggap perlu, mengikut analisa tersebut bagi negeri Pahang. Hospital baru ini dirancang sebagai hospital kawasan, atau dengan izin, "regional hospital" dan hospital besar bagi pesakit-pesakit tempatan dan kes-kes rujukan dari hospital-hospital lain di negeri Pahang serta juga dari negeri-negeri bersempadan dengannya.

Kementerian Kesihatan sedar bahawa pembinaan sebuah hospital baru dengan lebih 1,000 katil pada masa ini dalam keadaan ekonomi negara yang tidak menggalakkan dan

dasar Kerajan untuk mengurangkan saiz perkhidmatan awam adalah usaha yang besar. Kerana itu Kementerian sedang mengkaji semula pelan-pelan hospital baru di Kuantan itu untuk mengurangkan saiznya kepada 700 sehingga 750 katil sahaja. Satu keputusan dalam perkara ini akan dibuat tidak lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong dalam ucapan beliau telah menegur bahawa jika Kerajaan meluluskan dengan tergesa-gesa Rang Undang-undang untuk tidak membenarkan doktor-doktor swasta "dispense" ubat kepada pesakit-pesakit, Kerajaan juga harus bertanggungjawab terhadap nyawa orang ramai. Rang Undang-undang itu, kata beliau, akan menguntungkan doktor-doktor dengan menaikkan bayaran pemeriksaan. Ahli Yang Berhormat meminta supaya Kementerian memikirkan masak-masak sebelum menyatakan doktor tidak tahu dispense ubat kerana doktor mendapat latihan lebih lama jika dibandingkan dengan ahli farmasi.

Selain daripada itu beliau telah mengatakan bahawa langkah Kementerian itu juga akan menyusahkan orang ramai kerana terpaksa beratur untuk mendapatkan pemeriksaan, kemudian terpaksa mencari kedai-kedai farmasi dan beratur sekali lagi untuk membeli ubat-ubat. Beliau mengatakan beberapa langkah ini akan hanya menguntungkan ahli farmasi sahaja dan menyebabkan kos rawatan bagi pesakit bertambah.

Sebagai jawapan, Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa cadangan untuk mengasingkan kuasa dispensing dari kuasa diagnosa dan preskripsi adalah merupakan satu cadangan sahaja pada masa ini. Cadangan ini akan mengambil masa untuk dilaksanakan dan bukanlah

sesuatu yang muktamad. Beberapa aspek yang penting demi kebajikan pesakit haruslah dikaji dan disetujui sebelum ianya dapat di-"concretise"kan, dengan izin. Walau bagaimanapun, doktor-doktor perubatan dan ahli-ahli farmasi haruslah mengkajinya dengan mendalam.

Adalah tidak wajar untuk Ahli Yang Berhormat yang menjadi doktor itu mengatakan bahawa cadangan ini tidak berasas dan ahli-ahli farmasi tidak mempunyai peranan yang lebih wajar dan pokok dalam bidang dispensing ubat-ubat. Cadangan ini bulanlah baru dan bukanlah satu amalan yang ganjil. Sistem mengasingkan kuasa diagnosa dan preskripsi daripada dispensing telah pun diamalkan dalam kebanyakan negara di dunia ini termasuk sebahagian yang besar di Benua Asia juga. Di negara-negara itu sistem pengasingan ini diamalkan secara stage by stage, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, mengikut perkembangan dalam perkhidmatan farmasi.

Kementerian Kesihatan setakat ini hanya telah mencadangkan supaya badan-badan profesional yang terlibat dapat membincangkan dan membuat penelitian tentang hal ini. Kerajaan tidak bercadang melaksanakan pengasingan ini pada masa sekarang dan dalam beberapa tahun yang akan datang.

Kementerian Kesihatan sedar yang para farmasi dan para doktor-doktor terpaksa membuat beberapa penyesuaian yang "significant" sebelum ianya dapat dilaksanakan. Perlu juga menambahkan bilangan ahli farmasi yang ada dan juga memastikan bahawa kedai-kedai farmasi yang mencukupi terdapat di kawasan-kawasan yang sesuai bagi

memudahkan pesakit-pesakit mendapatkan ubat-ubat yang perlu bagi mereka. Walau bagaimanapun, dalam masa jangka panjang perubahan ini ialah untuk kepentingan pesakit-pesakit sendiri dan perkhidmatan perubatan di negara kita ini. Soal dan aspek inilah yang lebih penting daripada golongan mana yang akan lebih beruntung—para doktor ataupun ahli farmasi.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah berharap bahawa Kementerian akan menimbang semula untuk membina hospital di Kota Marudu dan di Pitas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah pun menyokong pembinaan hospital baru di Kota Marudu untuk Rancangan Malaysia Kelima dan kita masih menunggu keputusan rancangan-rancangan dalam Rancangan Malaysia Kelima itu. Buat masa ini Kementerian Kesihatan tidak dapat memberi keutamaan yang tinggi kepada cadangan untuk membina sebuah hospital baru di Pitas memandangkan kepada keperluan untuk projek-projek yang lain di Sabah. Seperti biasa, pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan hospital terpaksa dirujuk ke hospital yang berhampiran, iaitu hospital di Kudat. Walau bagaimanapun, beberapa kemudahan kesihatan yang lain seperti Pusat-pusat Kesihatan dan Klinik Desa disokong oleh Kementerian bagi Rancangan Malaysia Kelima dan kami harap ini akan dapat mempertingkatkan lagi kemudahan kesihatan dan rawatan di daerah Pitas.

Itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara mengenai Kementerian Kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dijemput menjawab.

5.35 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih atas teguran-teguran dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian semasa membahaskan mengenai dasar-dasar am Belanjawan mulai 28hb Oktober hingga 7hb November, 1985 yang lalu.

Secara keseluruhannya, perkara-perkara yang telah disentuh adalah mengenai keselamatan yang berkaitan dengan keadaan di Sabah, tugas-tugas Polis Merin untuk membuat rondaan di perairan kita, penambahan anggota-anggota polis di Sabah, perkara berkaitan hukuman kerana dadah, rawatan dan pemulihan dadah, masalah pendatang haram di negara ini dan tentang masalah warganegara "phantom" atau warganegara palsu.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan dari perkara-perkara yang disentuh itu sudah pun ditanya dan dijawab di dalam Dewan yang mulia ini semasa Soal-Jawab dalam persidangan sekarang dan juga di persidangan-persidangan yang lalu. Bagaimanapun, saya akan memberi penerangan lanjut atas perkara-perkara yang dibangkitkan itu berasaskan kepada keadaan semasa.

Menyentuh teguran-teguran yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut, Hilir Padas dan Bandau mengenai keselamatan di Sabah, sukalah saya memaklumkan bahawa pada masa ini selain daripada anggota polis biasa yang ditempatkan di sepanjang pantai timur Sabah, sebanyak 5 Kompeni Pasukan Polis Hutan yang berjumlah 705 orang pegawai dan anggota telah pun ditempatkan di kawasan ini dan juga di pulau-pulau yang berhampiran.

Biasanya hanya 2 kompeni Pasukan Polis Hutan sahaja ditempatkan di Sandakan dan Tawau. Di samping itu sejumlah 9 bot Merin yang besar iaitu 2 buah jenis PZ dan 7 buah jenis PX juga ditempatkan di kawasan ini untuk menguatkan lagi pengawasan dan pertahanan di perairan pantai timur Sabah. Bot-bot tersebut ditempatkan di Tawau, Sandakan, Semporna dan Lahad Datu. Selain daripada itu sejumlah 4,090 orang pegawai dan anggota polis ditempatkan di seluruh negeri Sabah dan ini merupakan pertambahan sebanyak 72 pegawai dan anggota. Buat masa ini tidak terdapat kekosongan di dalam perjawatan-perjawatan Pasukan Polis di Sabah.

Mengenai penempatan anggota-anggota polis Pasukan Polis Hutan, kebanyakan dari ahli-ahli pasukan ini telah ditempatkan di tempat-tempat yang strategik di kawasan pantai dan pulau-pulau terutama sekali di tempat-tempat yang kerap diancam atau diserang oleh lanun dan penceroboh di samping penempatan anggota tentera di kawasan yang sama. Pada masa ini pihak Polis telah menempatkan sebuah kapal terbang kecil jenis Cessna di Sabah dan pesawat ini sentiasa membuat rondaan udara di sepanjang pantai negeri Sabah untuk mengawasi kawasan-kawasan yang tertentu di samping penggunaan helikopter oleh Tentera Udara Di Raja Malaysia.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat untuk mengharamkan pump boat di Sabah, sukacita saya memaklumkan bahawa pihak Polis Sabah telah pun mengharamkan penggunaan bot jenis tersebut di seluruh kawasan perairan negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan yang mengatakan bahawa ada anggota-anggota New People's Army dari Filipina yang menyusup

masuk ke Sabah, setakat ini tidak terdapat maklumat yang menunjukkan bahawa anggota-anggota tersebut telah menyusup masuk. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa iaitu pihak Polis dan Tentera sentiasa berhati-hati dan mengawasi kemungkinan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Polis di Sabah kini telah pun mewujudkan satu pelan kontigensi untuk mengatasi sebarang kemungkinan yang berlaku terutama sekali di pantai timur Sabah. Tujuan pelan tersebut ialah bukan sahaja untuk mencegah kejadian-kejadian jenayah bahkan untuk mengambil tindak-balas yang cepat terhadap perkara yang berlaku. Setakat ini keadaan keselamatan di keseluruhan perairan Sabah terkawal dengan rapi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bandau telah mengesyorkan supaya dibina lebih banyak balai-balai polis dan perumahan anggota yang mencukupi terutamanya di Sabah. Pihak Kementerian sentiasa memberi perhatian kepada semua bangunan-bangunan polis di Sabah dan juga di Sarawak. Adalah menjadi dasar Kementerian ini untuk memberi keselesaan dan kemudahan perumahan kepada tiap-tiap anggota polis.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya Kerajaan mengambil tindakan terhadap ketidaksesuaian balai polis dan perumahan yang ada di Kota Maradu, pihak Kementerian sedar bahawa bangunan-bangunan polis dan perumahan yang ada sekarang di Kota Maradu adalah merupakan bangunan kayu yang dibina dalam tahun 1970 dan kebanyakannya telah rosak. Kementerian ini mempunyai rancangan untuk membina sebuah

balai polis jenis bandar dan perumahan anggota bagi kawasan Kota Marudu. Sebidang tanah yang terletak di Pekan Baru Kota Marudu telah pun dikenalpasti bagi maksud pembinaan projek yang berkenaan dan kerja-kerja pembinaan dijangka dapat dimulakan dalam tahun 1986 ini dan kos bagi projek ini dianggarkan sebanyak \$2 juta.

Saya mengucapkan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Serian atas teguran-teguran beliau. Pihak polis memang sentiasa bertindak membanteras sebarang kegiatan jenayah dan ini termasuk menjalankan rondaan dan mengadakan sekatan jalan raya di kawasan-kawasan dalam bandar, luar bandar dan kesemua kawasan-kawasan perumahan. Mengenai cadangan-cadangan beliau untuk mendirikan pondok polis di kawasan-kawasan perumahan dan mendaftarkan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tersebut, pihak Kementerian akan mengkajinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Lipis kerana merayu Kerajaan supaya menambahkan peruntukan anti dadah bagi melawan dadah. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Anti Dadah. Majlis Keselamatan Negara telah pun merangka satu Rancangan Bertindak Lima Tahun Anti Dadah Negara yang menggariskan satu rancangan bertindak yang bersepadu bagi kesemua Agensi-agensi Pelaksanaan Anti Dadah bagi tahun 1985/1989. Rancangan Bertindak Lima Tahun Anti Dadah Negara adalah berasaskan kepada dasar strategi dan keutamaan bagi menentukan pengurangan masalah pengedaran dadah dan bagi mengawal dan membendung pengalihan dadah dalam jangka masa lima tahun. Sebagai asas atau trust kepada rancangan bertindak tersebut, Kerajaan telah pun

merumuskan satu dasar strategi anti dadah Negara yang memberi keutamaan kepada:

- (1) bidang pencegahan yang meliputi aspek-aspek:
 - (a) pencegahan awalan, dengan izin, primary prevention;
 - (b) primary enforcement.
- (2) Pemulihan.

Manakala kemajuan tenaga manusia, penilaian kerjasama antarabangsa dan usaha-usaha penyelarasan merupakan strategi-strategi sokongan. Rancangan Bertindak Lima Tahun Anti Dadah Negara ini juga menentukan maklumat-maklumat, program-program, prosedur-prosedur pelaksanaan dan penilaian serta keperluan kewangan. Bagi tahun 1985, pelaksanaan rancangan bertindak adalah dengan penggunaan peruntukan tahunan dan dengan pindahan peruntukan iaitu virement bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti anti dadah di bawah sesebuah Kementerian atau jabatan tertentu. Peruntukan bagi tahun-tahun seterusnya di bawah rancangan bertindak ini sedang dirundingkan untuk dimasukkan di bawah peruntukan Pembangunan Rancangan Malaysia Kelima.

Rancangan Bertindak Lima Tahun ini merupakan satu usaha perancang dan bersepadu bagi membolehkan penentuan dan pencapaian matlamat-matlamat:

- (a) pengurangan bekalan dadah; dan
- (b) pengurangan permintaan dadah.

dalam sesuatu tempoh yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan keengganan ibubapa untuk

Pemulihan dan mewujudkan perkampungan bagi bekas-bekas penagih dadah sebagaimana yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat wakil dari Padang Rengas pada 30-10-85 di Dewan yang mulia ini, suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan sememangnya sedar mengenai sikap negatif sebilangan ibubapa khususnya dan juga masyarakat umumnya terhadap penagih-penagih yang telah dipulihkan. Oleh itu, Kementerian Dalam Negeri telah berusaha dengan giat untuk memberi kesedaran kepada mereka mengenai tanggungjawab mereka untuk bersama-sama memulihkan penagih-penagih dadah. Usaha-usaha untuk menarik penglibatan ibubapa dan masyarakat dalam usaha-usaha pemulihan telah dibuat melalui pembentukan Jawatankuasa Pemulihan Dadah di kawasan dan juga melalui Lembaga Pelawat bagi Pusat-pusat Pemulihan.

Penglibatan mereka dalam Jawatankuasa dan Lembaga yang saya sebutkan bukanlah semata-mata untuk membantu penagih-penagih dadah tetapi juga berusaha memberi kesedaran kepada anggota masyarakat yang lain untuk bersama-sama berjuang menentang penyalahgunaan dadah. Program ini sebenarnya telah membawa kesan yang positif terhadap sikap masyarakat yang boleh saya katakan di sini bahawa anggapan yang masyarakat enggan menerima bekas-bekas penagih dadah ini, adalah satu pandangan umum sahaja, kerana pengalaman Kementerian menunjukkan bahawa ramai bekas-bekas penagih dadah telah diterima secara terbuka dalam pekerjaan dan oleh keluarga masing-masing. Apa yang menjadi masalah sebenar ialah ramai bekas-bekas penagih dadah ini tidak mempunyai kelayakan yang mencukupi untuk membolehkan mereka bertanding dalam pasaran buruh terbuka dan ada sebilangan daripada mereka terlalu memilih

walaupun ada tawaran-tawaran yang telah dibuat oleh firma-firma swasta.

Oleh sebab itulah Kementerian sedang berusaha untuk memperluaskan lagi kemudahan-kemudahan latihan di Pusat-pusat Pemulihan supaya pelatih-pelatih mampu untuk memasuki peperiksaan yang dianjurkan oleh Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Pertukangan Kebangsaan (NITTCB) di samping mempergiatkan program-program latihan bagi mewujudkan disiplin bekerja di kalangan para pelatih.

Mengenai pengujukan perkampungan khas bagi bekas-bekas penagih dadah, suka saya memaklumkan di sini bahawa Kerajaan sememangnya merancang untuk mengadakan program yang selaras dengan cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan. Walau bagaimanapun, kita tidak merancang untuk mewujudkan perkampungan untuk bekas-bekas penagih dadah terus menetap di sana tetapi hanyalah bagi tempoh jagaan lanjutan selama dua tahun sebaik-baik dibebaskan daripada Pusat Pemulihan. Kerajaan telah pun mengenal pasti beberapa kawasan tanah Kerajaan yang terbiar di mana bekas-bekas penagih dadah yang dibebaskan dari Pusat-pusat Pemulihan akan ditempatkan bagi tempoh jagaan lanjutan untuk menjalankan kerja-kerja pertanian secara intensif. Kerajaan bercadang untuk melaksanakan program ini secara pendekatan bersepadu yang akan melibatkan beberapa agensi Kerajaan.

Sekiranya projek perintis ini berjaya nanti, Kerajaan akan memperluaskan program ini ke seluruh negara dengan kerjasama daripada Kerajaan Negeri bagi mendapatkan kawasan-kawasan tanah yang terbiar. Perlulah diingatkan di sini bahawa mengadakan

perkampungan yang terasing akan terus merenggangkan hubungan antara masyarakat dan bekas-bekas penagih dadah. Oleh sebab itulah dalam program membasmi penagihan dadah, Kerajaan tidak bercadang hendak mewujudkan satu program yang berasingan tetapi mengadakan program-program yang bersepadu di mana seluruh aspek kehidupan individu dalam masyarakat diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan supaya Kerajaan mengadakan program untuk mengambil mereka yang sudah dipulih untuk memberi ceramah-ceramah, sukaiah juga dimaklumkan di sini bahawa Kerajaan telah pun melatih bekas-bekas penagih dadah ini untuk dijadikan sebagai penceramah di mana-mana kursus yang berkaitan dengan masalah penyalahgunaan dadah.

Pada masa ini program tersebut telah pun berjalan di Selangor dan di Wilayah Persekutuan dan akan diperluaskan ke seluruh negara. Melalui pengalaman Kementerian Dalam Negeri, program ini telah menunjukkan bahawa penceramah-penceramah berkenaan telah menarik perhatian dan minat peserta-peserta sesuatu kursus.

Apa yang menarik ialah bukan sahaja peserta-peserta menunjukkan simpati dan kesedaran terhadap masalah penyalahgunaan dadah tetapi mereka benar-benar menunjukkan sikap yang positif ingin menerima bekas-bekas penagih dadah berkenaan sebagai sebahagian daripada mereka. Walau bagaimanapun, penceramah-penceramah berkenaan belum

bersedia untuk berhadapan dengan masyarakat umum seperti melalui kaca TV kerana bimbang atas reaksi masyarakat terutamanya di sekitar mereka apabila identiti mereka dikenali. Oleh sebab itu, Kementerian belum bercadang untuk mendedahkan mereka di hadapan khalayak ramai kecuali dalam kumpulan-kumpulan yang tertentu dan juga penagih-penagih yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat dari Hilir Padas agar hukuman yang lebih berat dikenakan kepada penagih dan pengedar dadah, sukaiah saya memaklumkan bahawa Kerajaan dari masa ke semasa ada mengkaji peruntukan undang-undang yang ada sekarang dengan penyalahgunaan dadah dan membuat pindaan-pindaan sekiranya didapati perlu. Hukuman yang ada sekarang ke atas seseorang pengedar dadah didapati mencukupi dan sudah sangat berat. Seseorang yang didapati salah kerana mengedar dadah boleh dikenakan hukuman mati "mandatory" di bawah Seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1983. Bagi seseorang yang didapati bersalah di bawah Seksyen 39A, Akta yang sama ia boleh dikenakan hukuman penjara seumur hidup ataupun hukuman penjara tidak kurang dari 5 tahun dan dikenakan sebat tidak kurang dari 6 kali.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman sejak tahun 1975 hingga Oktober, 1985 seramai 91 orang telah dijatuhkan hukuman gantung atas kesalahan mengedar dadah. Dan seramai 32 orang daripada mereka telah pun digantung. Seramai 59 orang masih menunggu keputusan rayuan daripada pihak-pihak tertentu sebelum hukuman dilaksanakan. Bilangan yang menunggu giliran ke tali gantung mengikut pecahan bangsa

dan kewarganegaraan adalah seperti berikut:

Warganegara:

Malaysia—

— bangsa Melayu	: 13 orang
— bangsa Cina	: 24 „
— bangsa India	: 5 „
— bangsa Siam	: 1 „
Thailand	: 4 „
Filipina	: 2 „
Hong Kong	: 8 „
Australia	: 2 „

Tuan Yang di-Pertua, disebaliknya tidak ada hukuman dikenakan ke atas penagih-penagih dadah. Mereka hanya dikenakan perintah menjalani pemulihan di Pusat-pusat Pemulihan Dadah selama tempoh 2 tahun dan diikuti dengan jagaan lanjutan selama tempoh 2 tahun lagi. Ini bermakna seseorang penagih itu menjalani program pemulihan selama 4 tahun. Bagi seseorang penagih yang menjalani pemulihan di luar institusi iaitu di dalam masyarakat tempoh perintah pemulihannya ialah tidak kurang dari 2 tahun dan tidak lebih dari 3 tahun. Kerajaan mendapati tempoh pemulihan ini mencukupi pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut, Kota Melaka. Muar dan Ipoh masing-masing membangkitkan masalah pendatang haram Indonesia di negara ini dan permasalahan yang timbul akibat kehadiran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memberi perhatian serius kepada kemasukan pendatang haram ke negara ini dan mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang bagi mengatasinya dengan cara menangkap, mendakwa serta

mengusir mereka keluar yang berkesan. Untuk mencapai matlamat ini Kerajaan mengadakan kawalan rapi di pintu-pintu masuk rasmi di seluruh negara erta mengadakan rondaan di kawasan perairan Malaysia serta sempadan daratan. Namun demikian, tindakan-tindakan ini tidak dapat menghasilkan kejayaan sepenuhnya kerana negara ini yang luas dan sempadan daratan yang panjang serta berbukit-bukau menyulitkan kawalan. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji strategi dan taktik yang perlu dilaksanakan untuk meningkatkan lagi usaha-usaha mencegah kemasukan pendatang haram terutamanya warganegara Indonesia ke negara ini. Pihak yang terlibat dalam kajian ini termasuklah Jabatan Perdana Menteri, Pasukan Petugas VII, Jabatan Imigresen, Polis Di-Raja Malaysia dan RELA.

Adalah dicadangkan supaya Pasukan Petugas VII menumpukan perhatian kepada usaha menghalau dan mencegah kemasukan pendatang haram ke negara ini semasa masih di perairan. Tindakan ini memerlukan rondaan yang lebih ketat untuk dilaksanakan oleh pihak Pasukan Petugas VII di kawasan perairan Malaysia. Adalah juga dicadangkan supaya satu Jawatankuasa Penyelaras Pendatang Haram ditubuhkan di peringkat Kementerian Dalam Negeri dengan tujuan untuk mengenal pasti masalah pendatang haram Indonesia dan mengesyorkan program bertindak yang sesuai untuk diambil bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijelaskan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini Kerajaan akan terus mengambil tindakan mengikut Akta Imigresen ke atas sesiapa yang terlibat dengan kemasukan pendatang haram ke negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh juga menyarankan supaya Kerajaan

membatalkan Perjanjian Pengambilan Buruh yang ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia demi menjaga kepentingan tenaga pekerja tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hanya membenarkan mana-mana majikan tempatan mengambil buruh asing untuk bekerja dalam sektor-sektor pembinaan dan perladangan sekiranya tenaga pekerja tempatan tidak dapat diperolehi. Langkah ini merupakan langkah sementara dan buruh-buruh asing bukanlah merampas atau merebut peluang pekerjaan atau bukan untuk mengambil alih kerja-kerja yang sedang dilaksanakan oleh warganegara Malaysia. Pada masa ini Kerajaan berpuas hati dengan prosedur dan kadar kemasukan buruh asing mengikut perjanjian yang ditandatangani pada 12hb Mei, 1984. Oleh yang demikian Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula atau membatalkan perjanjian tersebut.

Mengenai masalah warganegara "phantom" atau warganegara palsu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Julau, sukacita saya menyatakan bahawa dari segi undang-undang perkara ini tidak timbul. Seseorang itu ialah warganegara atau layak menjadi warganegara. Sekiranya ia layak serta memenuhi syarat-syarat yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia seseorang itu boleh memohon menjadi warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan syor-syor dan pendapat-pendapat kepada isu-isu dan masalah-masalah di bawah Kementerian Dalam Negeri. Saya berharap penerangan yang saya sampaikan tadi telah menjawab semua

pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kewangan dijemput menjawab serta menggulung.

6.01 ptg.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran serta juga cadangan terhadap Belanjawan 1986. Seperti biasa, ada di antara teguran-teguran ini yang bernas. Ada juga yang tidak berasas. Saya akan memberi penjelasan ke atas beberapa perkara utama yang dibangkitkan semasa perbahasan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal prestasi ekonomi Malaysia pada tahun hadapan. Seperti yang telah saya nyatakan di dalam Ucapan Belanjawan, pertumbuhan 5.2% dalam tahun 1985 adalah kurang menggalakkan, jika dibandingkan dengan kadar pertumbuhan sebanyak 7.6% dalam tahun 1984. Kejatuhan dalam pertumbuhan ini adalah berikutan dari prestasi negara-negara perindustrian yang masih lagi lembab.

Anggaran pertumbuhan ekonomi Malaysia pada kadar 6% bagi tahun 1986, nampaknya diragukan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga ahli-ahli ekonomi di dalam negara ini. Sukalah saya nyatakan di sini, anggaran 6% ini dibuat dengan mengambilkira faktor-faktor luar negeri dan dalam negeri yang mempengaruhi perkembangan ekonomi negara, khususnya pertambahan dalam pengeluaran petroleum mentah kepada 510,000 tong sehari, berbanding dengan 430,000 tong sekarang. Dengan pertambahan ini, dan jika sektor

swasta memainkan peranan yang diharapkan, saya yakin kadar pertumbuhan ini akan tercapai. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengikuti perkembangan-perkembangan dalam suasana ekonomi dunia. Jika perlu, kita akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan!

Tuan Daim Zainuddin: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya sahaja sama ada anggaran pihak Perbendaharaan mengenai kadar pertumbuhan ada diubah oleh kerana apa yang berlaku dalam 18 hari ini selepas Yang Berhormat Menteri sudah kemukakan Bugdet, oleh kerana dalam 18 hari ada banyak perkara yang berlaku seperti jatuh pasaran bijih dan pengisytiharan dalam tahun depan adalah satu dengan izin, free for all, dalam pasaran petroleum di mana mungkin harga akan jatuh US\$20 dan mengenai harga getah pun sangat rendah.

Tuan Daim Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pertukaran.

Sukalah saya menekankan di sini bahawa kita tidak seharusnya terbawa-bawa dengan sikap terlampau pesimis, kerana ini akan memberi kesan negatif dan mematikan semangat untuk berusaha mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi. Saya yakin bahawa kita mempunyai kemampuan untuk menguruskan ekonomi negara dengan baik dan mencapai matlamat pertumbuhan 6% pada tahun 1986.

Di dalam Ucapan Belanjawan, saya telah mengumumkan beberapa insentif tertentu bagi meningkatkan

penglibatan sektor swasta di dalam pembangunan negara. Pada umumnya, insentif-insentif ini telah disambut baik, terutama sekali oleh pengusaha-pengusaha di bidang pelancungan, pembuatan dan pertanian. Adalah menjadi harapan saya agar sambutan baik ini akan disusuli oleh tindakan yang konkrit, supaya sektor swasta menjadi penggerak kepada pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa Belanjawan ini adalah Belanjawan Pilihanraya. Mereka ini nampaknya sentiasa tidak setuju dengan apa yang dibuat oleh Kerajaan. Tahun sudah, mereka mengatakan Belanjawan adalah untuk orang kaya sahaja. Semuanya tidak memuaskan kepada mereka. Apa yang mereka mahu dalam Belanjawan? Jika cukai dinaikkan, mereka akan mengatakan Kerajaan tidak menjaga kepentingan rakyat yang berpendapatan rendah. Jika cukai dikurangkan, mereka mengatakan Belanjawan ialah untuk orang kaya. Semuanya tidak betul. Kerajaan Barisan Nasional adalah sensitif terhadap keperluan rakyat, Belanjawan dirangka untuk memberi faedah kepada setiap golongan rakyat, bukan untuk kepentingan-kepentingan tertentu, sepertimana yang didakwa oleh pihak Pembangkang. Tiap-tiap Belanjawan merupakan usaha membolehkan Kerajaan bertindak menghadapi keadaan yang berubah, supaya ketahanan dan kekukuhan ekonomi Malaysia terjamin. Nampaknya ahli Pembangkang tiada lagi modal lain. Sebenarnya pihak Pembangkang cuba membuat nujum, dengan harapan ianya betul dan jika betul mereka akan berkata— itu dia!, saya telah pun berkata demikian dahulu. Pilihanraya akan diadakan pada tahun 1986, kata mereka! sebagaimana kita semua

maklum, Kerajaan sekarang, mempunyai tempoh sehingga tahun 1987 untuk memerintah negara ini. Terpulanglah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menentukan tarikh pilihannya.

Ada juga ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan bahawa peruntukan yang disediakan tidak mencukupi ataupun berkurangan. Ini mungkin benar, ada peruntukan bagi projek-projek yang tidak berapa mustahak telah dikurangkan. Sepertimana yang telah saya jelaskan dalam Ucapan Belanjawan, perbelanjaan negara hendaklah selaras dengan kemampuan kewangan kita. Walaupun Kerajaan dalam keadaan kesempitan, kita telah menambahkan peruntukan bagi projek-projek untuk membasmi kemiskinan dari \$2.2 billion dalam tahun 1985 kepada \$2.9 billion dalam tahun 1986. Kerajaan juga telah menambah peruntukan bagi projek-projek infrastruktur di luar bandar. Peruntukan bagi jalan-jalan di kawasan-kawasan luar bandar ditambah sebanyak \$238 juta, bekalan air sebanyak \$95 juta dan bekalan elektrik sebanyak \$154 juta, jika dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan bagi tahun 1985.

Mengenai peruntukan bagi projek-projek pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak, Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak — \$558 juta bagi Sabah dan \$584 juta bagi Sarawak untuk tahun 1986. Jumlah peruntukan yang disediakan adalah difikirkan berpatutan, jika dibandingkan dengan peruntukan yang disediakan pada tahun ini.

Saya ingin menegaskan di sini, Kerajaan bersedia menimbangkan peruntukan tambahan, sekiranya peruntukan yang disediakan bagi projek-projek yang memberi faedah secara langsung kepada rakyat, tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan sama sekali tidak pernah mengenyepikan kepentingan-kepentingan kaum bukan bumiputera. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dasar Ekonomi Baru bertujuan memberi faedah kepada semua kaum di negara ini.

Dalam hubungan ini, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan bersikap lebih bertanggungjawab semasa berucap di dalam Dewan yang mulia ini. Kenyataan-kenyataan seperti Dasar Ekonomi Baru adalah untuk faedah kaum bumiputera sahaja, dan dasar Kerajaan harus disesuaikan dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan, adalah amat menyedihkan dan tidak bertanggungjawab. Ia mungkin dibuat untuk memancing undi, oleh kerana berasa sangat terhimpit oleh perkembangan-perkembangan semasa. Kritik-kritik yang bertujuan untuk kepentingan diri sendiri, tanpa mengira kepentingan nasional, adalah merbahaya dan boleh mencetuskan perkara-perkara yang tidak diingini. Oleh itu, saya menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan supaya lebih berhati-hati dan mengambil kira kepentingan negara, apabila membuat kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, sesebuah negara yang hendak membantu rakyatnya yang berpendapatan rendah untuk meningkatkan taraf hidup mereka, hanya akan berjaya mencapai cita-cita ini, jika negara itu terus membangun, menambah kekayaan dan hasilnya. Ini adalah kerana tiap-tiap usaha memperbaiki taraf hidup rakyat memerlukan sumber pembiayaan. Kita dapat melihat di merata-rata tempat di dunia ini, di mana negara yang lemah pembangunan ekonominya, menghadapi masalah kemiskinan yang serius.

Bagi kita di Malaysia, di dalam keadaan ekonomi dunia yang lembab, adalah perlu ditingkatkan keupayaan pengeluaran dan menambah pelaburan, untuk menjamin pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Dengan itu sahajalah, peluang pekerjaan baru dapat diadakan dan aktiviti ekonomi dapat dipertingkatkan.

Ada teguran-teguran yang menyatakan Belanjawan gagal untuk memberi perhatian kepada masalah pengangguran. Pandangan ini adalah kurang tepat. Kerajaan telah berusaha sedaya upaya menggalakkan perkembangan aktiviti ekonomi terutamanya pelaburan swasta. Dengan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi tahun hadapan, adalah menjadi harapan Kerajaan agar keadaan pengangguran akan terkawal. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa adalah mustahil menghapuskan pengangguran sama sekali, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang lembab sekarang ini. Sebenarnya di negara kita ini banyak peluang-peluang pekerjaan, tetapi rakyat kita terlampau memilih. Jika rakyat negara ini sanggup menjalankan apa jua jenis pekerjaan, saya percaya pengangguran tidak akan menjadi masalah.

Memandangkan kepada kedudukan kewangan negara, Kerajaan akan terus membekukan pengwujudan jawatan-jawatan baru. Kerajaan akan menentukan bahawa tindakan ini tidak menjejaskan keupayaan Pasukan Keselamatan untuk memelihara keselamatan negara. Oleh itu, jawatan-jawatan kosong dalam Pasukan Keselamatan dan Pertahanan, akan terus diisi mengikut keperluannya. Begitu juga dengan jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain akan diisi jika didapati benar-benar perlu dan mendatangkan manfaat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa, soal hutang negara menjadi bahan perbincangan yang hangat di dalam Dewan yang mulia ini. Kerajaan sedar bahawa kita mempunyai hutang negara yang agak besar. Kita mampu membayar balik hutang tersebut. Saya ingin menegaskan bahawa hutang digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan. Projek-projek ini akan mendatangkan hasil kepada negara, yang seterusnya membolehkan kita membayar balik hutang tersebut. Perbelanjaan kerana hutang negara adalah terkawal, kerana kita telah mencapai banyak kejayaan dalam usaha jimat cermat.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan ialah penswastaan. Dalam melaksanakan dasar ini, Kerajaan akan berhati-hati dan mengambil kira berbagai aspek. Ini adalah untuk menjamin bahawa penswastaan tidak membawa kesan yang buruk terhadap kepentingan negara dan rakyat. Kerajaan sedia maklum bahawa sektor swasta mungkin belum lagi bersedia dan mampu mengambilalih beberapa aktiviti yang Kerajaan anggap boleh diswastakan. Selain dari itu, untuk menjaga kepentingan pengguna dan rakyat, terutamanya rakyat miskin, Kerajaan menerima hakikat bahawa tidak semua perkhidmatan Kerajaan boleh diswastakan.

Soal cepat atau lambat proses penswastaan juga dibangkitkan. Apa yang lebih penting ialah projek-projek yang diswastakan dapat dilaksanakan dengan jayanya dan akhirnya mengurangkan beban kewangan Kerajaan serta meningkatkan kecekapan.

Sekali lagi, Agensi-agensi di Luar Belanjawan menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dan media-media massa. Banyak teguran yang dibuat berkenaan perbelanjaan dan prestasi agensi-agensi ini.

Kerajaan memanglah sedar akan kelemahan-kelemahan agensi-agensi ini. Seperti yang saya nyatakan di dalam Ucapan Belanjawan, tindakan bagi mengawal agensi-agensi ini telah dan sedang diambil, dan akan terus dipertingkatkan lagi. Walau bagaimanapun, sukalah saya nyatakan di sini tidak semua agensi ini harus ditutup. Perlu kita faham bahawa ada di antara agensi-agensi ini yang ditubuhkan untuk menyediakan infrastruktur dan membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang perlu. Tidak semua boleh ditutup. Bagi agensi yang bercorak perniagaan, saya memberi jaminan untuk meneliti sendiri prestasi mereka. Mana-mana agensi yang tidak menguntungkan akan dikaji semula, atau jika perlu, ditutup sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin memberi penjelasan tentang beberapa kritik terhadap langkah-langkah cukai. Saya perhatikan bahawa masih ada orang yang berasa bimbang tentang cukai pegangan 5% ke atas faedah dari wang simpanan yang akan dipungut oleh bank-bank dan institusi kewangan, bagi pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri. Ada sangkaan bahawa bank-bank itu akan memberi maklumat kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri tentang akaun-akaun mereka. Baru-baru ini, Bank Negara telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar yang menerangkan kepada orang ramai, bahawa identiti penyimpan tidak akan diberikan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Selain dari itu, ada pihak yang menyatakan cukai 5% atas faedah dari simpanan akan menguntungkan orang-orang kaya. Ada juga yang menyatakan bahawa rakyat miskin yang dahulunya tidak membayar cukai akan dikenakan cukai. Mereka yang dahulunya tiada fail cukai pendapatan dikatakan perlu membuka fail berikutan dari langkah ini.

Saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan ini adalah adil. Sebelum membuat apa-apa keputusan atau mengambil apa-apa tindakan, kita membuat pertimbangan yang teliti. Kita memberi pilihan. Bagi mereka yang menyimpan di Bank Simpanan Nasional, cukai tidak akan dikenakan ke atas bayaran bunga yang diperolehi. Jika mereka menyimpan dalam Tabung Haji, Koperasi, umpamanya dan jumlahnya kurang dari \$10,000, pendapatan atas simpanan itu tidak dikenakan cukai. Jadi, kalau pendapatan atas simpanan tidak mahu dikenakan cukai, Kerajaan memberi pilihan. Mereka ini boleh menyimpan dalam Bank Simpanan Nasional atau institusi-institusi lain yang ditentukan oleh Kerajaan. Saya harap, kalau hendak kritik Kerajaan, biarlah berasas. Penyelidikan yang teliti hendaklah dibuat. Janganlah mengkritik semata-mata untuk mencari publisiti. Kerajaan sedia menerima kritik yang bernas dan berasas. Jika ada perkara-perkara yang sememangnya memerlukan perubahan, langkah-langkah sewajarnya akan diambil bagi memperbaiki keadaan.

Saya ingin mengambil peluang di sini untuk memberi sedikit penerangan mengenai cukai pegangan 20% yang dikenakan atas faedah yang dibayar ke atas pinjaman dari luar negeri. Memandangkan ada masalah yang timbul mengenai pinjaman-pinjaman yang perjanjiannya ditandatangani sebelum 25hb Oktober 1985, saya suka memaklumkan bahawa pinjaman jangka panjang yang telah ditandatangani sebelum hari Belanjawan akan dikecualikan dari cukai ini, walaupun pinjaman itu belum digunakan atau belum, dengan izin, "drawn down". Pengecualian ini akan diberi dengan syarat pinjaman itu telah mendapat kelulusan Pengawal Pertukaran Wang Asing Bank Negara pada atau sebelum

25hb Oktober 1985. Kelonggaran ini dicadangkan, supaya tidak merumitkan pinjaman-pinjaman yang telah pun ditandatangani sebelum hari Belanjawan. Kelonggaran ini menunjukkan bahawa Kerajaan adalah sensitif kepada teguran daripada rakyat.

Cukai pegangan 20% ini dikenakan untuk mengurangkan pinjaman dari luar negeri. Syarikat-syarikat adalah digalakkan untuk mendapat pinjaman yang mereka perlu dari bank-bank di Malaysia. Bagi bank-bank ini, faedah yang mereka bayar kepada bukan pemastautin atau, dengan izin, "non-residents" tidak dikenakan cukai pegangan semenjak tahun 1982 lagi. Ini adalah untuk menggalakkan bank-bank di sini membuat pinjaman secara sendiri atau secara "syndication", dengan izin, dalam matawang asing kepada peminjam-peminjam di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, banyak juga telah diperkatakan mengenai cadangan untuk memberi amnesti dan pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperolehi dari luar negeri dan komisyen yang dibawa balik ke Malaysia. Perbahasan atas perkara ini timbul bukan sahaja di Dewan ini tetapi juga di seminar-seminar yang diadakan di luar Dewan.

Ada pihak yang menyokong langkah Kerajaan ini, hinggalah ada yang mencadangkan supaya pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan dari luar negeri diberi buat selama-lamanya. Saya kurang bersetuju dengan pandangan seperti ini kerana ianya akan merugikan negara pada jangka masa panjang. Ini ialah kerana pengecualian sepanjang masa akan menggalakkan orang-orang Malaysia melabur di negara-negara yang mempunyai kadar cukai syarikat yang rendah dan juga di negara-negara yang dikenali sebagai, dengan izin, "tax haven".

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pengecualian 100% ke atas pendapatan luar dan 50% ke atas komisyen yang berakru di Malaysia, yang dibawa balik itu, adalah satu tindakan ikhlas Kerajaan untuk memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang mempunyai wang seperti ini yang tersimpan di luar negeri, untuk melabur di negara ini. Saya ingin memberi jaminan di sini, bahawa apabila wang ini dibawa balik kelak, Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak akan bertanya sebarang soalan.

Dalam perbahasan tahun ini, sepertilah juga pada tahun-tahun lepas, banyak Ahli Yang Berhormat yang membuat berbagai cadangan mengenai cukai pendapatan. Kali ini cadangan-cadangan telah dikemukakan supaya pelepasan untuk pelajaran dan bayaran premium insurans dinaikkan. Perbelanjaan untuk perubatan dan bayaran faedah ke atas pinjaman bagi membeli rumah juga dicadang dibenarkan sebagai pelepasan. Kerajaan juga digesa supaya isteri dikenakan cukai secara berasingan sepenuhnya supaya mereka dapat menikmati segala pelepasan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan di sini bahawa percukaian ke atas individu di negara ini adalah mempunyai, dengan izin, "base" yang kecil sahaja. Daripada jumlah pekerja sebanyak lebih kurang 5 juta orang, hanya 500,000 orang sahaja membayar cukai pendapatan. Ini adalah memandangkan kepada pelepasan-pelepasan yang liberal yang dibenarkan pada ketika ini. Jika pelepasan-pelepasan ini ditambah lagi, ini akan bermakna kutipan cukai akan berkurangan. Dalam Belanjawan 1985, saya telah pun mengurangkan kadar cukai perseorangan bagi semua peringkat. Jika Kerajaan terus menurunkan cukai, hasil negara akan menjadi lebih rendah lagi. Peruntukan

mahu ditambah, cukai digesa supaya dikurangkan. Kalau begini, mustahillah bagi Kerajaan untuk berfungsi.

Berkaitan dengan percukaian ke atas isteri pula, ingin saya memaklumkan bahawa Kerajaan telah bermurah hati untuk menaksirkan pendapatan gaji isteri secara berasingan. Pendapatan-pendapatan lain adalah ditaksirkan bersama pendapatan suami. Pada mulanya seluruh pendapatan isteri ditaksirkan bersama pendapatan suami, kerana suami isteri adalah dianggap sebagai satu unit keluarga. Penaksiran berasingan ke atas pendapatan gaji isteri adalah dibenarkan sebagai satu konsessi. Pendapatan-pendapatan lain yang diperolehi oleh isteri tidak dibenarkan dicukai berasingan. Ini adalah bagi mengelak Kerajaan dari kerugian hasil.

Mengenai teguran bahawa struktur duti eksport ke atas lada yang baru tidak membawa banyak faedah kepada penanam-penanam lada, ini adalah kerana Ahli Yang Berhormat yang membangkitkannya kurang memahami perubahan-perubahan yang telah dilakukan kepada struktur duti ini. Duti eksport baru ini telah benar-benar meringankan beban ke atas penanam-penanam lada. Ini dapat dilihat sekiranya perbandingan duti itu dibuat dengan struktur duti yang lama. Misalnya pada paras harga \$5,566 setan bagi lada hitam, duti eksport sekarang ialah \$81.60 setan sahaja manakala duti lama ialah \$897.95 setan. Bagi lada putih pula, pada paras harga \$7,143 setan, duti sekarang ialah \$189.30 setan, manakala duti lama ialah \$1,092.95 setan. Ini adalah pengurangan sebanyak 90 peratus bagi lada hitam dan 82.6 peratus bagi lada putih.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga rakyat jelata

menyambut baik Belanjawan tahun 1986. Sokongan yang diberikan sangat-sangatlah dihargai.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, keadaan ekonomi dunia yang lembab terus mempengaruhi dan memberi kesan negatif terhadap prestasi ekonomi negara. Pergolakan dan keadaan pasaran beberapa barangan utama negara telah menjadi lebih runcing sejak kebelakangan ini. Penggantungan perniagaan timah di Pasaran Logam London telah mewujudkan satu krisis dalam pasaran harga timah. Harga-harga getah dan minyak petroleum juga kurang menggalakkan.

Negara kita banyak bergantung kepada pendapatan eksport dan kejatuhan hasil dari ketiga-tiga barangan utama ini, jika berterusan mungkin menimbulkan kesulitan kepada ekonomi negara. Oleh itu, tema Belanjawan tahun hadapan ialah "Menentang Kemelesetan". Saya rasa dukacita kerana Ahli-ahli Dewan dari parti Pembangkang tidak mengemukakan cadangan-cadangan bernas bagaimana kita dapat mengatasi masalah ini. Saya mengharapkan sumbangan dari mereka. Sebaliknya, Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang menganggap Belanjawan ini sebagai "Belanjawan Pilihanraya", tanpa memberi idea yang bernas mengenai cara-cara kita dapat menentang kemelesetan ekonomi.

Saya penuh yakin bahawa rakyat negara ini mempunyai kesabaran, ketabahan dan kekuatan bagi menghadapi kemelesetan yang dihadapi sekarang. Kerajaan akan mengikuti perkembangan-perkembangan dalam ekonomi dunia dengan teliti dan sedang merangka langkah-langkah yang dapat diambil bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Kerajaan akan terus melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan ketahanan dan kukuh ekonomi. Kepentingan rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah akan diberi perhatian yang sewajarnya di dalam melaksanakan langkah-langkah penyesuaian. Usaha berjimat cermat perlu disemat di semua peringkat di negara ini termasuklah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, OBA, pihak swasta dan juga orang perseorangan. Langkah-langkah mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan perlu juga dipergiatkan. Saya menyeru kesemua lapisan rakyat memberi kerjasama dan sokongan

kepada usaha-usaha ini. Insyallah, kita akan dapat menentang kemelesetan dan memperkukuhkan lagi kedudukan ekonomi dan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, merujuk kepada Usul yang Mesyuarat telah meluluskan tadi, saya menangguhkan Mesyuarat sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang esok, 13hb November, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.25 petang.